

Jilid I
Bil. 56



Hari Juma'at
21hb Januari, 1972

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6319]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 6353]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972

Jawatan-kuasa Perbekalan—

Kepala² B. 18 dan B. 19 [Ruangan 6354]

USUL:

Uchapan Penanggohan (Kekotoran di-Kuala Lumpur) [Ruangan 6406]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at, 21hb Januari 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN, K.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

- Yang Berhormat TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.,
S.P.M.J. (Johor Timor).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI
PERTANYAAN²ELAUN PERUMAHAN ANGKATAN
TENTERA

1. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Pertahanan menyatakan :

(a) mengapa-kah anggota² Angkatan Tentera bukan Pegawai yang tiada di-sediakan rumah mendapat elaun perumahan sa-rendah² \$25 sa-bulan pada hal pegawai² mendapat elaun rumah dari \$350 hingga \$400 sa-bulan; dan

(b) sama ada tindakan telah di-ambil untuk menambah elaun tersebut supaya sa-imbang dengan kadar sewa rumah di-negara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen): Dato' Yang di-Pertua, perkara elaun sewa rumah anggota² Angkatan Tentera itu ada-lah sedang di-dalam kajian Jawatan-kuasa Mengulangkaji Gaji, dan Sharat² Perkhidmatan Anggota Angkatan Tentera yang telah di-tubuhkan oleh Kerajaan dan laporan-nya di-jangka akan siap pada awal tahun 1972.

Tuan Yeoh Teck Chye: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister please tell the House whether plans are made to ensure that all the Armed Forces personnel will be provided with houses instead of housing allowance because this may vary? I am sure if they could be provided with houses, it would benefit them in the long run.

Tengku Ahmad Rithauddeen: (*Dengan izin*) It is indeed the policy of the Ministry of Defence to provide accommodation to all officers as well as other ranks of the Armed Forces. Unfortunately, because of the sudden increase in the number of the Armed Forces resulting from the withdrawal of the British from East of Suez, we cannot cope up with the accommodation, but at the moment it is our policy, Sir, and we are trying our best to give houses or accommodation to all the members of the Armed Forces.

KESELAMATAN DI-PERAK—
KEADAAN

2. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan keadaan keselamatan di-negeri Perak pada masa sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan di-negeri Perak pada masa sekarang ada-lah terkawal dengan rapi. Pihak Polis, Tentera dan Pentadbiran Awam sedang bertindak dengan giat-nya menjaga keselamatan di-negeri itu.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Sir, is there any evidence to indicate that the M.C.P. is carrying out recruitment locally?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di-Pertua, has there been a marked increase in the co-operation extended to the Government by residents of new villages in the Ulu Kinta and Sungei Siput areas, following the launching of Gerakan Sedia and the subsequent fencing up of several villages in those areas?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama daripada orang ramai sangat-lah menggalakkan.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, kalau kerjasama dari orang ramai di-kawasan² yang di-sebutkan ada sangat menggalakkan, boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa pagar di-dalam new villages ini boleh di-turunkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu akan di-timbangkan.

Tuan Loh Jee Mee: Has the Government been able to completely round up the supporters of the M.C.P. in the Ulu Kinta and Sungei Siput areas following the response as reported in the Press to the questionnaires distributed to the people in those areas?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) How many suspects have been detained in connection with aid given to the communists in the Ulu Kinta and Sungei Siput areas?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu juga soalan lain.

Tuan Loh Jee Mee: Has the Government studied in detail the reasons for the worsening of the communist situation in and around Ulu Kinta and Sungei Siput following the ending of the 12-year Emergency?

Tuan Yang di-Pertua: Itu juga soalan lain. (*Ketawa*).

Tuan Lee Seck Fun: Ada-kah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tahu, Dato' Menteri Besar Negeri Perak dan juga askar², polis dan orang ramai ada menyokong kuat atas perkara ini dan chuba memberi keselamatan kepada tempat yang berkenaan itu.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Will the lessons learnt in these areas be applied to all other areas having new villages, so that the situation in such areas is not allowed to return to the pre-Emergency days?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

KESELAMATAN DI-SEMPADAN MALAYSIA/THAI

3. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan keadaan keselamatan di-Sempadan Malaysia/Thai pada masa sekarang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan di-Sempadan Malaysia/Thailand pada masa sekarang adalah terkawal dengan rapi juga dan kerjasama serta perhubungan yang erat di-antara kedua² pihak Pasokan Keselamatan Malaysia dan Thailand ada-lah baik.

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, in spite of the assurance from the Minister concerned, we know that the situation in the Thai/Malaysia border is tense and deteriorating. Could the Minister concerned assure the House that the

bad security situation in that area would not hamper the construction of the East-West Highway, which is now in progress, because we understand that a lot of workers brought down to build the Highway are being disturbed and they could not get workers? So would the Minister concerned assure the House that he would improve the situation and make the situation suitable and favourable enough for the construction of this Highway?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

GANJARAN KELUARGA² PASOKAN KESELAMATAN—MENAMBAHKAN

4. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menambahkan lagi ganjaran kepada keluarga² ahli² Pasokan Keselamatan yang terbunuh dalam masa menjalankan tugas dari \$2,000 kepada \$5,000 di-sebabkan jumlah yang ada sekarang ini sangat kecil berbanding dengan kadar hidup pada masa sekarang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, wang yang di-kurniakan sa-banyak \$2,000 dari Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara, kepada keluarga ahli² Pasokan Keselamatan yang terkorban sa-masa bertugas sa-benar-nya ia-lah bantuan dan tanda penghargaan kerana jasa si-mati (*ex-gratia* payment) untuk perbelanjaan kebumi dan lain²-nya buat sementara waktu.

Saya suka menerangkan lagi bahawa sa-lain daripada pembayaran \$2,000 itu Kerajaan akan membayar ganjaran (*gratuity*) kepada keluarga ahli² Pasokan Keselamatan yang meninggal dunia sa-masa bertugas mengikut kuat-kuasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. No. 7/70.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, it is strange that the Government considers that a man's life is worth only \$2,000 and as a result of this, there has been quite a lot of discouragement to join the Armed Forces. So will the Minister give a categorical assurance to this House that the present \$2,000 is inadequate, which is even much lesser than the Workmen's Compensation, and would he take appropriate measures to review the entire matter, so that an adequate amount of money can be given to persons who lose their lives during the time of battle?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat itu tidak faham jawapan saya.

Tuan V. David: Sir, if he wants me to repeat the question, I am prepared to do so.

Tuan Mohamed bin Yaacob: I do not want the question to be repeated, but I say he should learn more Bahasa Kebangsaan.

Tuan V. David: Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri, apa-kah Kerajaan bayar \$200 bagi orang yang meninggal dalam askar²

Tuan Yang di-Pertua: \$2,000.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Bukan \$200; \$2,000.

Tuan V. David: Kami minta pihak Kerajaan ubah balek perkara ini yang telah menjanjikan kepada askar² untuk membayar lebeh kapada-nya, kalau askar itu meninggal dunia.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Saya ulangi jawapan saya untuk faedah Ahli Yang Berhormat itu.

Wang yang di-kurniakan sa-banyak \$2,000 dari Kumpulan Wang Derma Pertahanan Negara kepada keluarga ahli² Pasokan Keselamatan yang terkorban pada masa bertugas sa-benar-nya ia-lah tanda penghargaan kerana jasa si-mati ex-gratia payment only untuk perbelanjaan funeral expenses dan lain²-nya buat sementara waktu sahaja.

Saya suka menerangkan lagi bahawa sa-lain daripada pembayaran \$2,000 itu, Kerajaan akan membayar ganjaran ia-itu gratuity kepada keluarga ahli² Pasokan Keselamatan yang meninggal dunia sa-masa bertugas mengikut kuat-kuasa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 1970.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, gratuity itu lain perkara. Perkara yang \$2,000 ini ia-lah sagu hati bagi askar² itu apabila dia meninggal dan sa-masa itu juga Kerajaan bayar. Kami dari parti Pembangkang mengatakan \$2,000 itu ta' chukop, mahu tambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalan tambahan-nya apa?

Tuan V. David: Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, boleh-kah Kerajaan fikirkan soal ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu fikir tidak chukop, elok dia menderma daripada saku-nya sendiri.

Tuan V. David: Kita perchaya Yang Berhormat Menteri ada membacha apa² report yang di-beri oleh Setiausaha-nya, tetapi apa-bila soalan tambahan di-buat lagi, Yang Berhormat Menteri itu dia bacha sahaja, sa-rupa apa yang dia sudah bacha atas soalan yang asal itu. Saya minta sekarang boleh-kah Kerajaan tambah lebeh daripada \$2,000?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu akan di-pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini fasal kematian dalam askar² bukan berjual nyawa. Kalau berjual nyawa \$2,000 itu ta' chukop. Jadi sudah di-terangkan itu ia-lah gratuity payment kepada keluarga dia. Jadi kalau di-jual nyawa berapa askar² kita ada, tidak ada duit dalam negeri hendak membayar satu² orang.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyenangkan hati pihak Pembangkang, saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggung-jawab, \$2,000 untuk kenduri barangkali. Tinggal janda, tinggal anak kerana dia mati dalam peperangan. Ada-kah penchen anak atau penchen isteri? Itu barangkali saya hendak tahu dan juga rakan saya di-sabelah sana.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kalau anggota polis memang ada penchen sa-bagai mana yang terchatet dalam Penyata Surohanjaya Suffian.

PINJAMAN PERUMAHAN BAGI ANGKATAN TENTERA

5. **Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang memberikan pinjaman² perumahan kepada anggota² Angkatan Tentera sama seperti yang di-beri kepada kakitangan awam.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, Anggota² Angkatan Tentera tidak lama lagi akan mempunyai kelayakan yang sama untuk mendapat pinjaman perumahan. Kaedah² dan peratoran² untuk pinjaman ini maseh di-atorkan kerana tangga-gaji bagi Anggota² Angkatan Tentera berlainan daripada tangga-gaji kakitangan awam Kerajaan.

PENERBANGAN SEWA KHAS MAL

6. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Perhubungan berapa bilangan penerbangan sewa khas yang di-buat ka-London yang di-jalankan oleh MAL, dan ada-kah ranchangan seperti ini (chartered flights) akan di-jalankan ka-Timor-Laut Asia (Jepun) dan Australia, kerana penerbangan² khas ada-lah sangat² di-kehendaki oleh orang ramai dan juga akan menggalakkan pelanchongan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, semenjak 12hb Oktober, 1971 MAS di-dalam usaha bersama-nya dengan BOAC Bhd. telah mengadakan sa-jumlah 30 perkhidmatan² berjadual 'non-affinity' tambang murah. Badan Pengurus MAS akan sentiasa mengkaji, dari segi perdagangan dan keperluan² lalu-lintas, kemungkinan menjalankan perkhidmatan² tambang murah yang demikian ka-mana² kawasan di-dunia pun akan juga di-timbangkan sa-kira-nya akan menguntongkan MAS. Ini pun sa-kira-nya dengan persetujuan dan sokongan dari Kerajaan Malaysia sendiri dan mendapat kebenaran daripada kerajaan negara² yang berkenaan yang kita hendak pergi di-kawasan² itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri yang bertanggung-jawab mengatakan galakan di-beri, tetapi apa sebab-nya Southern Cross, kapal terbang ini ada-lah flight bagitu juga, tetapi tidak boleh terbang ka-London dan balek ka-mari?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Soal hendak terbang ka-London atau ka-Moscow saya tidak bertanggung-jawab, tanya-lah orang di-London atau di-Moscow. Kalau dia tidak boleh terbang ka-Malaysia, saya bertanggung-jawab, saya boleh jawab.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua,

soalan tambahan. Oleh kerana Southern Cross itu tidak di-benarkan pergi ka-London, ada-kah kemungkinan Kerajaan Malaysia menghalang airlines yang lain seperti Lloyds dan Britannia datang ka-mari sa-chara chartered flights?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mesti faham. Kita ada perhubungan antarabangsa, yang mana negara² yang berhubung dengan kita, kita ada buat perjanjian. Apabila kita buat perjanjian apa kapal terbang yang kita hendak bagi sa-bagai national carrier. Jadi, dia bagi selalu satu national carrier berlawan satu. Jadi, chartered flights tidak masuk dalam national carrier.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah kita ada beli saham daripada Sharikat Southern Cross?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Saya tidak kesahkan Southern Cross, Northern Cross, Eastern Cross atau Double Cross (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah lain daripada Sharikat BOAC ada juga membuat perkongsian dengan MAS dalam membuat penerbangan chartered flights ini untuk daerah² yang di-tentukan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab; buat sementara ini MAS dengan BOAC sahaja, tetapi kalau di-mana² juga sharikat yang boleh menguntongkan kita, kita akan timbangkan.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar bahawa jikalau Sharikat Southern Cross hendak membawa orang² ka-London, Kerajaan United Kingdom menyiasat satu persatu orang² yang hendak pergi itu, yaitu ada-kah dia itu menjadi sa-orang ahli kelab atau tidak, pada hal bagi orang² daripada London datang ka-mari Kerajaan kita memang tidak siasat atau kaji sa-dalam²-nya sama ada mereka itu ahli² kelab atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan V. David: Tadi kami sudah bertanya, ada-kah MAS ada beli saham dalam Sharikat Southern Cross. Kalau perkara ini boleh di-jawab, saya ingat kita pun boleh faham, ada-kah kita champor-tangan dalam perkara itu atau pun tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan lain.

KEMALANGAN JALAN RAYA— MENGURANGKAN

7. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Perhubungan menyatakan, memandangkan bahawa kemalangan jalan raya sa-makin menjadi² akibat kechuaian pemandu² kereta terutama sa-kali pemandu² lori dan teksi:

- (a) apa-kah rancangan Kerajaan bagi mengurangkan kemalangan jalan raya; dan
- (b) ada-kah Kerajaan akan mengadakan had laju yang berlainan di-antara kereta² jenis ringan dan jenis berat di-sapanjang jalan raya Persekutuan, dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak ada tambahan tertentu pada jumlah kemalangan² jalan raya di-tahun² 1967 hingga tahun 1970. Malahan jumlah kemalangan dari tahun 1967 sa-hingga tahun 1969 telah berkurangan, tetapi jumlah kemalangan pada tahun 1970 telah bertambah sedikit. Angka² ada-lah saperti berikut:
 - 1967—16,815 kemalangan
 - 1968—13,859 kemalangan
 - 1969—12,517 kemalangan
 - 1970—12,704 kemalangan

Angka² bagi tahun 1971 belum ada lagi.

Tindakan² saperti berikut telah di-ranchangkan dan maseh di-usahakan lagi bagi mengurangkan kemalangan di-jalan raya:

- (i) Tindakan penguatkuasa undang² oleh pihak penguatkuasa undang² ka-atas kenderaan², terutama sa-kali ka-atas kenderaan² perusahaan dan teksi, yang menyalahi undang².

- (ii) Menggalakkan Pegawai² Kerajaan Bahagian I melaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan kesalahan² yang di-lakukan oleh kenderaan perusahaan.

- (iii) Sa-buah Jawatan-kuasa telah di-tubuhkan oleh Kementerian Perhubungan untuk menchari jalan bagi mengatasi masalah² muatan lebeh oleh kenderaan perusahaan.

- (iv) Kempen keselamatan jalan raya juga di-perhebatkan untuk memberi kesedaran kepada pengguna² jalan raya, terutama-nya kepada pemandu² kenderaan perusahaan dan teksi.

- (b) Kerajaan memang mengadakan had² laju yang tertentu ka-atas kenderaan² perusahaan jenis ringan dan berat mengikut Peratoran² Kenderaan Motor (Had Laju), 1959 [Motor Vehicles (Speed Limit) Rules, 1959].

Sa-lain dari itu had laju juga di-kenakan di-jalan² Persekutuan, jalan² raya Negeri dan jalan² raya dalam kawasan Kerajaan Tempatan di-tempat² yang sebok dan merbahaya oleh Menteri Perhubungan dan pihak² yang berkuasa.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Federal Highway, benar atau tidak, oleh kerana tidak ada foresight kita untuk membawa Federal Highway ini, itu sebab-nya banyak pelanggaran berlaku—sebab-nya junction. Bukan-nya betul Federal Highway, tetapi junctions, crossings itu terlampau banyak. Betul-kah begitu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak betul. Pelanggaran ada-lah kerana kechuaian. Manusia selalu chuai.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sistem mengawal jalan raya yang ada sekarang ini tidak begitu memberi kesan kepada pemandu², ada-kah Yang Berhormat Menteri berchadang hendak mengadakan Pegawai Terapik Pakaian Periman bagi mengawasi dan memperangkap kereta² motokar yang melanggar Undang² Terapik?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu akan di-timbangkan, tetapi kita sudah beri

kuasa kepada Pegawai Division I dan sekarang saya merayu—Yang Berhormat² juga ada kuasa—plain cloth, tidak payah lagi hendak di-tubuhkan lagi. Berhubung dengan saya, mana² kereta yang melanggar undang² beri tahu, saya akan siasat perkara ini.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, I am greatly shocked to hear from the Honourable Minister that road accidents are caused entirely by the carelessness of the drivers and not by the poor road junctions that we have got, such as the

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan dalam bahasa Melayu, itu ada-lah kekhuaian manusia, not only the drivers, jay-walkers and everybody concerned. Please remember that point.

Tuan Goh Hock Guan: Nevertheless, Sir, the fact still remains that the Government or rather the Honourable Minister does not recognise what is already an established fact by those who specialise in highway engineering and the safety of roads that accidents by and large are caused by poor road design and poor traffic system and, therefore, it behoves the Government to improve the road system in our major towns and throughout the country. Would the Government

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Soalnya, Tuan Speaker, saya ta' hendak statement di-sini.

Tuan Goh Hock Guan: The supplementary question is, Sir, whether the Government will please improve the road system throughout the whole length and breadth of the country and inside the major town centres as one of the measures to reduce the incidence of road accidents?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun Ahli Yang Berhormat dari Bungsar sa-orang akitek, saya pun sudah menjadi Menteri Kerja Raya empat tahun sa-tengah. Saya yang bena dengan engineer² saya bagi jalan² yang besar itu. Pada waktu itu memang sudah chukop, tetapi sekarang banyak tambahan kereta kerana prosperous negara kita. Jadi, kita akan timbangkan tentang membesarkan dan improve, tetapi the main factor of the cause

of accidents the world over is the carelessness of human beings themselves. They may be the drivers, jay-walkers, and everybody.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Perhubungan sedar bahawa kemalangan jalan raya ini banyak terjadi dari kalangan pemandu² gulongan muda?

Tuan Yang di-Pertua: Gulongan apa?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Gulongan berumur muda. Orang muda, bukan orang tua yang memandu kereta itu yang selalu menerima kemalangan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Yang Berhormat sendiri pun muda. Sa-bagai orang muda, selalu darah panas, hendak lekas. Itu sebab saya katakan tadi, kalau dia sabar, tidak-lah jadi accident.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Perhubungan sedar bahawa sa-sungguh-nya antara sebab² Kemalangan Jalan Raya ini ada-lah kurang ketat chubaan untuk mendapatkan lesen bagi pemandu² kereta, pemandu² kenderaan jalan raya kita? Apa-kah perkara ini akan di-ambil perhatian dan di-jalankan pada masa yang akan datang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, tentang standard of driving saya sendiri telah pun beri keterangan, saya hendak tinggikan lagi mutu-nya, tetapi bukan-lah itu satu sebab yang banyak yang menjadikan kemalangan.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the Minister said just now that he has been 4½ years at the job. I hope he stays very longer at the job

Tuan Yang di-Pertua: Will you stick to your supplementary questions and not make any statements, please?

Tuan Goh Hock Guan: Yes, Sir, I will get on with the question. Sir, is it not a fact—it is a fact that has been established by traffic experts all over the world—that a great deal of accidents is caused by the fact that our road system is badly designed and that fast

traffic is not separated from slow traffic, pedestrian traffic and from vehicular traffic? That surely is a major cause of road accidents. If that is the case, will the Honourable Minister please look into that aspect of our traffic problem and together with his traffic engineers study this question so that we can have less accidents on the roads?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ta' payah-lah hendak minta. Kita sudah ada rancangan hendak buat viaduct. It takes a while, it costs a lot of money too. We are doing it.

Tuan Goh Hock Guan: But I thought the Finance Minister the other day said that we have a very prosperous economy. Surely he could afford it.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: *(Dengan izin)* That is a different question, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: The supplementary question is not yet put. How can you answer the question? *(Ketawa)*. What is the supplementary question?

Tuan Goh Hock Guan: The supplementary question, Sir, is in view of the very prosperous economy that we are now presently enjoying, which is what the Finance Minister boasted the other day, surely the Honourable Minister could get some money from the Finance Minister.

Tuan Yang di-Pertua: That is not a question.

Tuan Goh Hock Guan: Would he get the money from the Finance Minister?

Tuan Yang di-Pertua: Will he get the money from the Finance Minister?

Tuan Goh Hock Guan: Quite right, Sir. *(Ketawa)*.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kalau pun ada wang-nya bukan boleh di-susun. Ahli Yang Berhormat dari Bungsar is an architect himself. It takes a while to design. This is what I am saying. We are attending to it.

Tuan Loh Jee Mee: Ada-kah Kerajaan ingin tambah Highway Patrol di-luar bandar untuk menahankan pemandu² kereta deras daripada lari laju?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berunding dengan Kementerian yang berkenaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada-kah menjadi kesalahan dalam Undang² Keselamatan Jalan Raya bagi motosikal² yang berhandle tinggi yang sangat di-gemari oleh belia² pada masa sekarang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tiap² kenderaan yang di-luluskan mengikut specification, jadi apabila di-luluskan, dia pakai handle tinggi, kalau ta' mengikut, salah-lah.

Dr Chen Man Hin: *(Dengan izin)* Is the Honourable Minister aware that the road from Kuala Lumpur to Seremban and also the other main arterial highways are among the most congested in the world, so much so that lorry drivers and taxi drivers who find that they cannot keep up with their schedule have to speed despite their own self-control? So, is not the Government a factor in the responsibility for this carelessness, which he claims is the cause of accidents?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: The last question the Honourable Member asked about the Government's responsibility—for what?

Dr Chen Man Hin: Traffic congestion along the Kuala Lumpur/Seremban and the other main arterial highways.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membaiki tempat² selekoh² yang merbahaya dengan sa-berapa daya upaya dan sa-berapa lekas yang boleh di-buat, tetapi buat sementara ini kita minta kepada pemandu² teksi, lori dan bas supaya berchermat di-tempat² yang kurang baik dan tempat² yang banyak selekoh.

Dr Chen Man Hin: Is the Honourable Minister aware that the day before 300 lorries were jammed up at the Johore/Singapore Causeway? Does the Minister know what was the cause? Is it due because of insufficient traffic lanes along the Johore side of the

Causeway to examine these vehicles and thereby cause a lowering of income of these lorry drivers?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang lain—sa-buah Jawatan-kuasa sedang mengkaji segala²-nya.

Tunku Abdullah ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Federal Highway telah di-sebut di-sini, ada-kah kemungkinan Kerajaan ini akan menaruh road-sign yang baharu, yang besar sa-belum sampai simpang Airport, barangkali sa-tengah batu sa-belum ini di-taruh tanda, sa-tengah batu lagi di-taruh tanda “Pusing kanan ka-Airport”, kemudian suku batu lagi, satu sign yang besar lagi supaya tahu daripada jauh, bila kita hendak pusing kiri dan kanan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan beritahu dengan Pejabat Kerja Raya.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian-nya berchadang untuk mengkhaskan nombor² lori, motosikal, bas dan sa-bagai-nya menggunakan BAD, BAG, BAN, BAR supaya senang pegawai² dan orang ramai membuat aduan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan mengambil ingatan dan akan di-siasat balek, kalau hendak tukar, ta' mahu pakai BAD tukar-lah apa benda yang patut, yang baik.

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Is the Honourable Minister concerned aware of the divider along the Federal Highway, which is the most dangerous piece of construction along any highway, because when vehicles driven at high speed along this highway touch on the divider they tend to jump from one side of the road to the other? Is the Minister aware of that?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) I only ask the Honourable Member for Damansara to advise cyclists not to cross the main thoroughfares; otherwise they will have to take their own risk.

Tuan Hor Cheok Foon: My question is this: if that divider could be changed to some other thing, like a railing, which, as you can see, is most popularly installed in most of the Japanese highways, that incident could not occur. It is because of the sloping effect of that divider.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan rujuk kepada Road Safety Council dan kita akan berunding tentang bagaimana chara² yang elok.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar saya ada menghantar satu laporan yang hampir kechemasan, surat saya yang bertarikh pada 26-7-1971 dan saya mendapat jawapan daripada Menteri yang berkenaan yang berbunyi bagini, Tuan Yang di-Pertua:

“Aduan mengenai perkhidmatan Seri Jaya, saya di-arah merujuk kepada surat Yang Berhormat bertarikh 26-7-71 dan mema'alomkan bahawa aduan ini ada-lah mendapat perhatian dan akan di-siasat”.

dan sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua, belum lagi saya mendapat keputusan, atas siasatan ini dan surat ini bertarikh 25hb Ogos, 1971.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak tahu apa kena-mengena dengan soalan ini.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Ini kalau hendak di-bacha panjang sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Laporan ini panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' boleh, mesti kena-mengena dengan soalan ini dan ta' boleh bacha² sahaja.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Terima kasih.

PENANAMAN MODAL DI-MALAYSIA

8. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan berkenaan dengan penanaman modal di-Malaysia:

- (a) ada-kah negara² ini—Russia, Indonesia, Belanda, Belgium dan Jerman Barat turut serta; dan
- (b) ada-kah Kementerian beliau menerima permohonan daripada negara² China, Korea Utara dan Jerman Timor.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Negeri² yang tersebut kechuali Russia mempunyai pelaburan di-dalam perusahaan² perkhidmatan di-Malaysia.
- (b) Kementerian saya belum menerima apa² permohonan berhubung dengan pelaburan di-dalam perusahaan² pembuatan daripada negeri China, Korea Utara dan Jerman Timor.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mana-kah lebih menguntungkan negara dan ra'ayat negeri ini atas penanaman modal daripada negara² blok komunis dan bukan komunis.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal mana lebih menguntungkan itu bukan-lah berdasarkan sistem ekonomi asal negeri itu. Keuntungan ini bergantung kepada masing² projek dan juga jenis²-nya atau pun kadar² chukai yang kita kenakan.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, I believe the Russians have invested a considerable sum of money in Indonesia. In your opinion, is there any reason why the Russians have not started to invest in this country? What has prevented the Russians from investing in Malaysia, considering their interest in this part of the world?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) I am not responsible for the opinion of the Government of the U.S.S.R.

Tuan Goh Hock Guan: I am aware of that, Sir. I am very much aware of the fact that you are not a Minister in the service of the U.S.S.R., but you are an Honourable Minister in the service of His Majesty's Government here. So, therefore, I am asking for the opinion of the Honourable Minister why, is there any good reason, and whether the reason could be due to the fact that our investment climate here in this country is not particularly attractive to our Russian friends. What conceivable reasons could there be which might have prevented the Russians from investing in this country?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, first of all, we run the Government not based upon the opinions of individual persons in this country.

INSURAN KEMALANGAN BAGI PEKERJA² MALAYSIA

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) ada-kah pekerja² dari ra'ayat Malaysia yang bekerja dengan sharikat² mencari minyak di-dasar laut Malaysia mempunyai polisi insuran kemalangan;
- (b) ada-kah pendapatan mereka memuaskan; dan
- (c) sila beri keterangan selanjut-nya atas lain² kemudahan perkhidmatan.

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Speaker,

- (a) Pekerja² termasuk warganegara Malaysia yang bekerja dengan sharikat² mencari minyak di-dasar lautan Malaysia ada-lah mempunyai insuran dari kemalangan. Pekerja² yang termasuk di-dalam ta'arif Ordinan Pampasan Orang² Kerja ada-lah dilindungi di-bawah undang² mengenai kemalangan² yang berlaku di-waktu bekerja dan akibat dari pekerjaan mereka.
- (b) Gaji pekerja² ada-lah menasabah ia itu antara \$285 sa-bulan bagi tukang² masak hingga \$608 bagi tukang kimpal. Tetapi kerja²-nya ada-lah sukar dan memerlukan darjah kecekapan dan disiplin yang tinggi.
- (c) Jika kontrek perkhidmatan pekerja² yang berkenaan di-buat di-negeri ini, semua undang² buroh yang berkaitan ada-lah di-chadangkan untuk di-pakai bagi mereka. Pekerja² yang demikian ada-lah berhak mendapat faedah² di-dalam undang² mengikut perbekalan² yang di-buat di-dalam-nya. Di-samping itu pekerja² ada-lah di-laporkan bahawa makanan perchuma di-sediakan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sedar bahawa sa-hingga ini ada beberapa orang ra'ayat Malaysia yang bekerja dengan sharikat² mencari minyak di-dasar lautan Malaysia yang telah mendapat kechederaan seperti patah tangan dan

putus kaki dan sa-hingga ini maseh belum mendapat apa² bayaran sama ada daripada pehak insuran, sharikat atau sa-bagai-nya?

Tuan Lee San Choon: Tuan Speaker, saya tidak sedar. Jikalau ada berlaku saya minta Ahli Yang Berhormat itu memberi butir²-nya, dan kita akan siasat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat ada menerima laporan daripada mana² Ketua Pejabat Buroh atau pun Labour Officer yang ada di-daerah² atau pun di-Negeri² berhubung dengan kechederaan² yang di-dapati oleh pekerja² itu?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk menjawab soalan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Speaker, saya ulangi sebab mungkin kurang jelas sadikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah ulang. Dia kata dia hendak notis. Dia belum boleh jawab lagi masa ini, barangkali kalau ada notis lebeh dahulu, dia boleh jawab.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sa-lain daripada itu, ada-kah Yang Berhormat Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat berchadang sa-telah dia mendapat tahu daripada penjelasan saya ini untuk meminta supaya Ketua² Pejabat Buroh di-daerah² dan di-Negeri² mengenai perjalanan untuk menyiasat tentang hal yang tersebut?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada soal saperti itu berlaku, insha' Allah, kita akan menyiasat.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) Sir, each time when the problems of labour are brought up, the Deputy Minister always tells us that our labour laws are adequate to protect the interest of labour. But has the Minister sent out teams to check on these companies who violate certain regulations particularly relating to Workmen's Compensation, Employees' Security Scheme and so on?

Tuan Lee San Choon: Tuan Speaker, itu soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sedar sunggohnya gaji yang di-dapati oleh pekerja² dari kalangan ra'ayat Malaysia yang bekerja dengan sharikat² yang tersebut mendapat gaji yang di-perkatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu ada-lah rendah benar jika di-bandingkan dengan buroh² yang bekerja dengan sharikat² itu sendiri daripada ra'ayat² di-negara lain?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sharikat² yang berkenaan tidak membezakan gaji atas warganegara, tetapi membezakan atas kerja. Ada pekerja² yang jadi jurutera atau pekerja² yang mahir mereka dapat gaji lebeh tinggi, itu mengikut pekerjaan yang pekerja² bertugas.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa pekerja² ra'ayat Malaysia yang terdiri daripada bekas² pekerja² lombong bijeh Bukit Besi ia-itu orang² yang mahir dalam pekerjaan yang bekerja dengan sharikat yang tersebut, tetapi pendapatan-nya bagi dua berbanding dengan pekerja² mahir ra'ayat luar negeri yang bekerja di-situ?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah, boleh jadi pekerja² yang tersebut itu mahir dalam lombong bijeh itu tidak menjadi pekerja² mahir dalam menchari perusahaan menchari minyak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa sunggohnya satu perusahaan yang ada di-lombong bijeh ia-lah drilling dan perjalanan-nya menchari minyak ia-lah drilling juga dan kerja itu ada-lah kerja yang sama dengan sana dan ini ada-lah tidak menjadi kekok kapada mereka? Jadi tidak-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa pekerja² daripada luar negeri mendapat kemudahan² dengan chuti pergi dudok round Kuala Lumpur berehat sampai dua tiga minggu, sedangkan pekerja² dari ra'ayat kita tidak dapat.

Tuan Lee San Choon: Apa soalan-nya?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan-nya, keistimewaan yang di-dapati oleh pekerja² luar negeri itu sudah-lah

mereka itu gaji mahal tambahan pula di-benarkan untuk berehat di-Ibu Kota sa-lama 2 minggu dalam masa dua bulan atau 3 bulan, 2 minggu, 3 minggu, sedangkan ra'ayat

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu, saya sendiri tidak tahu apa soalan tambahan-nya (*Ketawa*) bagaimana dia hendak menjawab.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan-nya, ada-kah Menteri sedar kejadian² yang saperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang saperti mana?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Yang ra'ayat, pekerja² yang bukan ra'ayat Malaysia mendapat keistimewaan berehat di-sini dengan tiket kapal terbang free sedangkan ra'ayat kita yang bekerja di-situ tidak dapat.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama-nya ia-lah gaji² pekerja warganegara yang bekerja di-perusahaan menchari minyak ini ada-lah menasabah dan soalan mengenai majikan membedzakan gaji oleh sebab pekerja-nya dari yang bukan warganegara lain ini sa-benar-nya kita tidak sedar, saya pun sudah menjawab, boleh jadi oleh sebab kemahiran pekerja², saya tidak menafikan, kata-nya tidak ada langsung, boleh jadi ada. Tetapi apa yang menjadi soal, apa yang menjadi penting-nya ia-lah pekerja² warganegara kita ia-lah mendapat gaji yang berpatutan dan menasabah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau Menteri yang bertanggung-jawab itu sedar, pada masa yang akan datang di-atas discrimination warganegara lain, pekerja² warganegara lain dengan warganegara Malaysia yang sama kerja, semua-nya sama tetapi gaji-nya rendah dan layanan tidak betul, apa tindakan yang akan di-ambil?

Tuan Lee San Choon: Soalan-nya belum timbul lagi. Jikalau sedar, kita tidak sedar—maseh tidak sedar lagi.

Dato' Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri itu belum sedar lagi, ada-kah apa² ikhtiar yang

akan di-lakukan oleh Yang Berhormat Menteri itu untuk menchari kesedaran atas hal yang berlaku itu.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kaki-tangan di-dalam Kementerian Buroh ini memeriksa tiap² perusahaan dari sa-masa ka-samasa dan jikalau Ahli Yang Berhormat dari Dungun atau Dato' Menteri Besar dari Kelantan ada butir²-nya boleh memberi kepada kita, kita dengan segera-nya kita boleh memeriksa keadaan yang betul.

PEMBANTU RUMAH SAKIT— MEMENOHKAN JAWATAN²

10. **Tuan Chan Fu King** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah jawatan² Pembantu Rumah Sakit di-Perak yang belum lagi di-isi dan menyatakan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil untuk mengatasi masa-alah ini untuk menyediakan perkhidmatan perubatan yang lebeh chekap kepada ra'ayat di-negeri Perak.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, jumlah jawatan² Pembantu Hospital di-Perak yang maseh belum lagi di-isi ia-lah 16.

Kementerian saya sentiasa sedar akan keperluan² kaki-tangan² tambahan, bukan sahaja untuk mengisi kekosongan² sekarang tetapi juga untuk mengisi keperluan² yang baharu pada masa akan datang, mahu pun di-Perak atau di-tempat lain. Ini-lah sebab-nya maka dari tahun 1971 latehan² bagi Pembantu² Hospital telah pun di-pusatkan di-Sekolah Latehan Pembantu² Hospital di-Seremban. Sekarang ini sekolah tersebut sedang melateh seramai 159 penuntut² tahun pertama.

Sa-bagai lanjutan daripada usaha² yang lalu, 58 orang penuntut tahun pertama sedang juga di-lateh di-Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Manakala seramai 220 orang penuntut² tahun kedua dan tahun ketiga sedang menjalani latehan² praktikal di-Hospital di-merata negara.

Sa-lepas menamatkan latehan², mereka ini akan di-hantar keluar untuk mengisi jawatan² yang kosong bukan sahaja di-Perak tetapi juga di-tempat² lain di-seluruh negara.

Tuan Chan Fu King: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that since the Hospital Assistant is so

important for the medical service, why till now is there this shortage of Hospital Assistant?

The Vice-Chancellor of the University of Malaya, Mr Chairman, Sir, that is, Professor Ungku Aziz, has suggested that the Government should set up a national loan scheme to provide students adequate money to see them through their courses of higher studies rather than to give them scholarships. This is an imaginative and realistic suggestion and perhaps the Education Ministry could adopt it to the mutual advantage of the teaching profession and educational standards in the country, as this scheme will provide a central revolving fund which can give more opportunities to more deserving teachers to go for further studies and in turn will provide more graduate teachers for our schools. Sir, this task of turning out more graduate teachers from our schools throughout the country is an important and urgent problem and must be solved with a sense of priority. Equally important however is the fair distribution of such teachers to our schools. It is a sad fact that even up to now the great majority of our schools in the rural areas and the small towns have been given the "Cinderella" treatment in the posting of graduate or specialist teachers. Most of them have been by-passed and neglected. More often than not, Sir, the best qualified graduate or specialist teachers and the most experienced teachers are invariably sent to the larger and chronologically more established, longer established schools in the big towns the so-called "prestige" or "premier" schools in the big towns like the V.I., St. John's, St. Xavier, the Convent, the A.C.S. and what-have-you. This sort of discrimination is unfair to the pupils in the rural areas and the small towns. I hope the Ministry will rectify this educational imbalance without further delay.

Mr Chairman, Sir, I am glad that the Minister has just now spoken of the importance of looking after the health of our school children in the country and that he will also consult the Health Ministry regarding this problem. It is here that I come to the problem of health of a good number of our school children. I would also like to draw the attention of the Honourable Minister to the fact that many of our school children, particularly those in the kampongs, new villages and the estates are suffering from

malnutrition and undernourishment to such an extent that it affects adversely their study ability and power of concentration and attention in the classrooms. This serious problem, Sir, was in fact recognised by the Honourable Member for Langat when he was the Political Secretary to the then Education Minister. I am sure he will agree with me that the problem is still there; in fact, it may have grown worse by now.

Thousands of our school children throughout the country, from the urban slums, the kampongs, the new villages and the estates, because of the poor social economic position of their homes, walk or cycle to school every day with empty stomachs, without breakfast at home or pocket-money for the school canteen and having to stay in school hungry for about 5 to 6 hours a day. Is it any wonder, therefore, Sir, that they often do not have the energy or the interest for attention, leave alone concentration, in the classrooms. Having been a teacher for 6 years, I can tell of the sorry and pathetic scene of those school children who can never go to the school canteen during recess time. They either watch their more fortunate classmates or schoolmates eat and drink in the school canteen or they just sit away the 20 minutes or so of recess time under the trees in the school compound. The more enterprising ones go to the wash-rooms and fill up their stomachs with water from the taps. I therefore call on the Ministry of Education to seriously think of finding ways and means of introducing a nation-wide scheme to provide free hot meals for these less fortunate school children, who run into thousands. Just a glass of milk and a loaf of bread per pupil per school-day can and will make a big difference to their health as well as their study performance.

Mr Chairman, Sir, before I conclude, I would come to just two more items. One concerns the University of Malaya. It is commendable that more funds are to be allotted for expansion and all the rest, but what is disappointing, Sir, is that the long-promised Law Faculty is still not to be set up in spite of repeated promises to the many appeals by members of the learned legal profession as well as people in academic circles. I hope the Honourable Minister will look seriously into this and consider the establishment of a Law Faculty as early as

possible, so that Malaysians do not have to go either to Singapore or to England to pursue law courses.

Mr Chairman, Sir, I see no reason why the University of Malaya—in fact it is the first University that we have—cannot launch extra-mural study courses or what is called off-campus study programmes for members of the public as is done already in Penang.

Mr Chairman, Sir, there is an item called 'Biasiswa untok Guru² dan Pentadbir² Pelajaran Malaysia Barat' which means administrators. Mr Chairman, Sir, while it is commendable that Education Officers and Administrators at the Ministry of Education are given from time to time assistance and awards and scholarships to pursue further courses in administration and planning, I hope the Minister will make it a point to ensure that these awards are not done on a prejudiced basis or done on the basis of favouritism. I have a letter here, Sir, presumably from an officer in the Education Department—of course he is clever enough not to disclose his name.

Tuan Pengerusi: As it is an anonymous letter, I am afraid the Chair will not allow you to read it and waste the time of this House.

Tuan Fan Yew Teng: Anyway, there have been complaints that because a Senior Officer in the Education Ministry happened to come from the State of Kedah, favouritism in terms of the award of scholarships had been shown to officers from Kedah. Perhaps the Minister of Education would investigate into the matter.

Mr Chairman, Sir, finally, I see there is an item for UNESCO. We are contributing some money to joint projects or perhaps regional projects in conjunction with UNESCO, but while we do that, can I urge the Ministry of Education to look into the utter paucity of teaching about the United Nations and about the UNESCO, which is one of the special agencies of the United Nations, in our schools during civics classes especially? I think to a large extent we are just paying lip-service about the teaching of the United Nations and UNESCO, about their functions, about their aims, about their workings and all the rest. We knock into any school child, either in the primary school or secondary school, you ask what he or she knows about the

United Nations, about the UNESCO or about any other specialised agency, and the answer is often very disappointing. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong perbekalan kerana pentadbiran pelajaran yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baharu sebentar tadi. Saya chuma hendak berchakap ringkas sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu saya hendak sentoh dalam perkara Sekolah Rendah. Sekolah Rendah ini menurut hemah saya, Tuan Pengerusi, walau pun kita telah merdeka 14 tahun, tetapi keadaan kemudahan-nya di-antara Sekolah Rendah Kebangsaan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan belum dapat di-samakan oleh Kementerian ini. Kemudahan² ini nampak di-saksikan oleh ibu bapa seluroh tanah ayer kita. Maka dengan sebab keadaan yang bagini, Tuan Pengerusi, anak² kita di-luar bandar khas-nya yang keluar daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di-kampung² pada tahun ini 40% terchichir, mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran ka-Sekolah Menengah Rendah.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, perkara ini ada tiga sebab yang menjadikan anak² kita ini terchichir tidak dapat meneruskan pelajaran-nya di-Sekolah Menengah Rendah ini. Pertama sa-kali dengan sebab tempat itu jauh. Kedua, dengan sebab bayaran buku yang mahal. Ketiga, kurang kesedaran pada ibu bapa bagi memberikan pelajaran anak² yang lebeh baik. Jadi, dengan sebab itu menurut pendapat saya, Tuan Pengerusi, jauh perjalanan itu telah sampai masa-nya Kementerian ini melaksanakan sistem yang telah di-umumkan berhubung dengan Sekolah Pusat. Erti-nya Sekolah Rendah yang murid-nya ka-bawah daripada 100 orang itu supaya kita jadikan di-kawasan itu sa-bagai Sekolah Pusat antara satu dua batu itu kita jadikan satu Sekolah Pusat. Ini hendak-lah di-laksanakan dan saya harap Kementerian hendak-lah tegas dalam masaalah ini.

Yang kedua bayaran buku. Bayaran buku menurut bayaran buku teks dalam anggaran ini sangat kurang. Saya harap Kerajaan memberikan perchuma kepada murid² di-luar bandar berhubung dengan bayaran buku teks atas anak² yang hendak pergi ka-sekolah menengah rendah yang terchichir 40% ini, dan kepada ibu bapa ini saya harap dengan kerjasama guru besar di-sekolah itu dan juga

penganjor² di-tempat itu supaya memberikan kesedaran kepada ibu bapa ini dapat anak²-nya melanjutkan pelajaran di-sekolah menengah rendah seperti mana telah saya katakan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berhubung dengan sekolah menengah kebangsaan dan juga sekolah menengah jenis kebangsaan maseh di-bedza²kan juga. Sekolah menengah Inggeris lain, dia banyak kemudahan lain, kebersehan-nya lain, guru pun lain, tetapi sekolah menengah kebangsaan sangat mundor, Tuan Pengerusi. Guru² di-sekolah menengah jenis kebangsaan, sekolah menengah Inggeris, saya hendak sebutkan, guru-nya banyak guru² yang ada berijazah di-sekolah itu empat lima orang dan di-sekolah menengah kebangsaan kita kurang, kalau ada pun hanya sa-orang, kadang² banyak di-sekolah menengah jenis kebangsaan kita itu guru-nya daripada guru² sementara pada masa ini. Jadi sudah-lah itu, Tuan Pengerusi, alat² sains yang di-kehendaki pada zaman sekarang sangat tidak di-beri perhatian oleh Kementerian ini. Jadi dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, kita bersetuju atas kata Yang Berhormat Menteri hendak menjadikan satu manusia, masa yang mempunyai tenaga yang baik tetapi kalau kita tidak selideki, tidak kaji, tidak tunaikan kehendak² ini, maka ra'ayat di-luar bandar akan kechichiran dalam masaalah pelajaran ini. Kita sangat berpuas hati dalam dasar-nya hendak membuat asrama yang banyak di-luar bandar tetapi berapa tempat, Tuan Pengerusi, tidak berapa tempat yang dapat di-sempurnakan. Jadi dalam masaalah ini saya berharap guru² di-sekolah jenis kebangsaan ini juga kita hantar ka-sekolah di-luar bandar untuk dapat menjalankan tugas memberikan pengajaran ka-sekolah² rendah kebangsaan di-luar bandar ini.

Yang keempat, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan berhubung dengan guru. Guru ini satu perkara juga yang menjadikan kelemahan pelajaran murid². Kadang² guru besar dengan guru bawah-nya tidak bekerjasama, Tuan Pengerusi. Guru Besar dia fikirkan besar dia, dia hendak menjalankan dasar² pelajaran tidak dapat kerjasama daripada guru bawah. Guru bawah ini dia fikir apa, dia datang ka-sekolah, dia jalankan kerja dia, kemajuan sekolah itu terpulang kepada guru besar. Jadi perhatian ini juga patut di-berikan oleh Kementerian Pelajaran supaya dapat di-atasi. Sebab murid² sedar

kalau guru besar dengan guru penolong-nya tidak ada kerjasama, murid sendiri sedar, Tuan Pengerusi. Kadang² guru penolong itu dia dudok diam sahaja, chukop masa dia jalankan kerja, kerja yang berlebihan, kerja yang berupa khidmat kebajikan dia tidak hendak jalankan tugas-nya sebab kerjasama daripada guru besar itu tidak dapat.

Kemudian dalam masaalah guru ini juga, Tuan Pengerusi, yang menjadi sungutan Kerajaan ada 300 buah rumah guru yang tinggal, guru tidak mahu sewa, fasal bayaran mahal. Sebab menurut Penyata Aziz sekarang 10% pada gaji berse. Sa-buah rumah kampung, Tuan Pengerusi, sewa-nya \$50 takkan guru mahu sewa. Jadi dengan sebab itu, saya fikir, hendak-lah di-kaji balek dan sesuaikan sewa rumah itu dengan keadaan kampung. Kalau di-kampung sewa rumah itu \$15 atau \$10 guru itu sanggup, kalau \$50 lebih baik dia pergi ka-bandar atau pun dia beli rumah sendiri. Jadi kalau kita tidak kaji balek dalam masaalah pembayaran rumah² Kerajaan ini, rumah ini akan tinggal kosong. Jadi kita sesuaikan pembayaran itu dengan keadaan kampung supaya dapat guru itu tinggal di-rumah² Kerajaan itu dan dapat dia berkhidmat pada masyarakat di-kampung itu.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah dapat mengumumkan tapak Universiti Kebangsaan. Ini satu perkara yang dapat membanggakan ra'ayat negeri ini khas-nya pejuang² Bahasa Kebangsaan kita. Dan saya berterima kasihlah apa yang telah di-buat oleh Tuan Yang di-Pertua, Dewan Ra'ayat ini pada melaksanakan Bahasa Kebangsaan. Sa-sorang Wakil Ra'ayat, sa-bagai saya, kalau hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, kalau dia tidak benarkan orang itu dan tidak boleh berchakap dalam Bahasa Kebangsaan, dia tidak boleh berchakap. Itu saya ucapkan tahniah kepada Tuan Pengerusi dan masaalah melaksanakan perlaksanaan Bahasa Kebangsaan ini.

Dalam Universiti ini, Tuan Pengerusi, saya hendak katakan, kita sekarang hendak menempoh 4 Universiti. Dahulu saya telah membuat satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, kita kekurangan tenaga sa-ramai 200 orang, tenaga mengajar dalam Universiti. Ini juga hendak di-perhatikan dengan chermat-nya. Kita hendak-lah

melateh, menghantar guru² tenaga² pengajar-nya di-luar negeri atau pun kita mengambil guru² kontrek daripada luar negeri supaya mengajar di-Universiti kita. Kita tidak mahu di-Universiti kita pada masa akan datang mutu-nya rendah daripada universiti² yang bertamadon. Jadi saya fikir sa-takat itu-lah dapat saya berikan pandangan kepada Kementerian ini, sa-kali lagi saya berikan sokongan yang penoh.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Education under Heads B. 18 and B. 19 from pages 143 to 149 and generally on the need to immediately implement a new concerted and concentrated effort in this field because of the fact that a large number of Malaysians especially in the rural areas are illiterates. The need, as has been previously pointed out by many Honourable Members of this House, is to bridge this apparent gap between the educated urban population and their correspondingly illiterate rural brothers. It is apparent and should be one of the nation's top priorities.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Pengerusi, minta Ahli Yang Berhormat itu berchakap kuat sedikit—saya ta' dengar.

Tuan Pengerusi: Could the Honourable Member speak a little bit louder?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Sir, I sincerely hope that Head B. 18, Subhead 1100, Item (2) does provide for recruitment of more teachers to be trained, especially to teach in Sarawak Lower Secondary Schools when the abolition of the Primary VI Entrance Examination is finally realised as publicly promised by the Chief Minister of Sarawak. Surely an addition of \$1 million over the previous year's estimated expenditure is insufficient for such a step as the training of more teachers to teach the influx of Form I students in Sarawak schools upon the abolition of that Examination if it is to be carried out as promised unless, of course, the promise will be still a promise for a long time to come.

Item (3) of the same Subhead will also not be sufficient if more lower secondary schools—Form I, II and III classes are to be expanded to absorb the anticipated increase. Earlier this month the Chief Minister also

had publicly expressed concern that annually 40% or about 10,000 pupils either voluntarily or compulsorily drop out of schools. If this goes on, and the Federal Government refuses to take any remedial step to redress such a position, we in Sarawak, Sir, will be populated with an influx of semi-literate youngsters who are unable to go back to their land, because there is no proper training or any assistance from the authority concerned and who are not educated enough to be classified with the skilled workers. They will become an added social problem upon which another Ministry will spend untold millions of dollars to redress in future just because of another Ministry's past defaults. We from SNAP have advocated the introduction of an agricultural curriculum in as early as the upper primary classes in Sarawak in order to provide the teaching of basic agricultural knowledge to the young people and thereby create a reserve manpower of educated farmers for the State. We call upon the Government to act now in this direction without further delays.

I come to item (6) of the same Subhead regarding assistance to students outside the country. As far as Sarawak is concerned, we have two classes of these students—those attending the University of Malaya and those attending the various colleges like the MARA College, Serdang Agricultural College, and so on. At the MARA College, students complain that they are not given enough pocket money and are consequently besetted with financial difficulties, which have a very bad effect on their studies. They are allowed Government-assisted passages only once in 2 years, which put them in a worse position than their West Malaysian counterparts who can catch a bus back home at weekends. Those who go for overseas studies are either under Government scholarships or on private expenses and they should be provided with the opportunities and facilities to study Bahasa Malaysia so that on their return to Malaysia they will not be disqualified for Government posts and be left out in the overall strife for national progress.

Under Subhead 2800 on page 145, "Miscellaneous Services", we notice the almost negligible allocations for items (2) and (6) and the moderate allocation for item (3). In the context of Sarawak education, Sir, I

refer to page 150, Subhead 1100, item 2 (a) on teacher training and item 3 (a) (i), (ii) and (iv) on primary and secondary education and vocational school set-up. I do not understand why there is very little allocation or none at all when the needs are greater and the number of young people by percentage is higher and the rate of literacy is far behind that of West Malaysia. This is tantamount to a complete neglect and I earnestly call upon the Education Minister to give very serious and immediate attention to appraise the situation. His excuse that it is a State matter will not hold water because this strengthens our fears that the dialogue between Kuching and Kuala Lumpur is almost none or that the State Government had failed to take up the matter with Kuala Lumpur. I, therefore, seek clarification on this point from the Honourable Education Minister.

Finally, Mr Chairman, Sir, I come to pages 156 and 157 on Head P. 19, Subheads 1 to 6. Now, Sir, where is the allocation for Sarawak for more vocational schools, more technical schools, more trade schools and more agricultural schools? What has happened to the proposed Agricultural College approved under the First Malaysia Plan? Where are our anticipated colleges, Mr Chairman, Sir? Thank you.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam B. 18 ini, mengenai dengan Pechahan-kepala 4100, muka surat 146 dan 147. Baharu sa-kejap sahabat saya dari Muar Utara ada menerangkan masalah murid² dari luar bandar, dari sekolah rendah yang terhichir untuk masuk ka-sekolah menengah. Masa'alah murid² dari luar bandar terhichir ini, Dato' Pengerusi, sudah menjadi suatu penyakit yang agak sukar hendak di-ubati dalam negara kita ini kechuali pehak Kementerian Pelajaran dapat memikirkan suatu chara yang agak lebih baik daripada apa yang sedang di-jalankan sekarang ini.

Baharu sa-bentar tadi sahabat saya dari Muar Utara menyatakan perlu-nya di-laksakan dengan segera Sekolah Pusat. Saya juga berpendapat bahawa mustahak-nya kepada Sekolah Pusat ini di-adakan dikawasan² luar bandar amat-lah kuat sa-kali, tetapi berlainan sedikit dengan apa yang sudah di-jalankan sekarang ini. Pengeshoran

saya kepada Kerajaan, Dato' Pengerusi, kalau tidak dapat di-buat tahun ini, atau tahun hadapan, tetapi biar-lah perkara yang saya sebutkan ini dapat di-jadikan renongan kepada pegawai² yang ada di-Kementerian Pelajaran, ia-itu sistem Sekolah Pusat yang saya maksudkan ia-lah semua Sekolah² Rendah yang ada sekarang ini kita benarkan sekolah ini di-berikan pelajaran dari Darjah I sampai Darjah III di-sekolah berhampiran dengan kampung masing². Apabila murid² tadi sudah meningkat kepada murid Darjah IV, maka semua murid² dari Sekolah Rendah tadi hendak-lah di-satukan kepada sa-buah sekolah dalam lingkungan lima buah, atau enam buah tadi dan sekolah itu di-namakan Sekolah Pusat dan apabila kaedah ini kita jalankan maka hendak-lah di-sediakan asrama di-Sekolah Pusat tadi dan Sekolah Pusat itu hendak-lah memakan masa bagi murid Darjah IV, V, VI, Tingkatan I, II dan III.

Saya rasa, Dato' Pengerusi, kalau chara ini kita jalankan, maka dapat-lah kita atasi masalah murid² dari luar bandar tadi terhichir untuk pergi ka-Sekolah Menengah, sebab apakala kita mengadakan asrama penoh kepada murid² yang kita bawa ka-Sekolah Pusat tadi, masalah buku-nya ta' timbul lagi, masalah kemiskinan ibu bapa-nya ta' timbul lagi, masalah jauh berulang-alik-nya ta' timbul lagi seperti apa yang di-hadapi sekarang ini. Dan apakala murid² tadi sudah memasoki Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (L.C.E.), maka mereka yang bagus tadi dapat menyambungkan pelajaran-nya kepada Tingkatan IV dan apabila sekolah yang mempunyai Tingkatan IV, V dan VI tadi pun juga mesti-lah di-sediakan asrama penoh.

Saya perchaya, Dato' Pengerusi, Kerajaan akan mengatakan ini memerlukan wang yang banyak. Soal wang yang banyak di-perlukan oleh Kementerian Pelajaran, saya nampak tidak menjadi masalah lagi kepada Kerajaan Perikatan kerana dari apa yang kita lihat pada tiap² tahun Kementerian Pelajaran memang mendapat keutamaan di-dalam peruntukan-nya. Barangkali kalau ini kita dapat laksanakan tidak menjadi apa² sungutan kepada ra'ayat, kalau kita kurangkan peruntukan kepada Kementerian² yang lain yang di-fikirkan kurang perlu, asalkan kita dapat memberikan suatu tumpuan yang lebih kepada Kementerian Pelajaran. Sebab

di-dalam sa-buah negara seperti kita di-Malaysia pada hari ini, masalah pelajaran ada-lah masalah penting. Maju-nya negara kita, tegoh-nya keadaan dalam negara kita ini bergantung kepada ramai, atau kurang-nya ra'ayat yang berpelajaran tinggi.

Dato' Pengerusi, dengan apa yang saya terangkan itu, maka dengan sendiri-lah kita dapat mengurangkan sedikit masalah panggilan Sekolah Menengah Rendah, Sekolah Menengah Atas. Jadi susah sangat—atras, rendah; atas atau tinggi ini. Jadi, dengan chara yang saya katakan tadi dalam tanah ayer kita ini akan ada-lah sistem Sekolah Rendah, Sekolah Pusat, Sekolah Menengah dan sa-terus-nya Sekolah Tinggi.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, saya nampak murid² dalam sekolah kebangsaan sama ada peringkat rendah-nya, atau menengah selalu lemah dalam mata pelajaran hisab atau pun kira². Dan nampak-nya kalau kita banding dengan anak² orang yang bukan Melayu masalah mata pelajaran hisab, atau kira² ini mereka agak lebih chergas sedikit dari kita dalam menghetong satu² perkara. Apabila kita pergi ka-sekolah; saya sebutkan Sekolah Jenis Kebangsaan China, saya nampak ada satu jenis, atau pun alat yang di-gunakan di-sekolah itu begitu lekas sa-kali dia mendapat jawapan, saya ingat orang panggil benda ini macham biji getah, orang kata Suenpun. Jadi saya hendak sebut dengan Bahasa Kebangsaan pun tidak jumpa hendak chari, tetapi kalau tidak silap dalam bahasa Inggeris abacus; entah betul atau tidak, ta' tahu-lah. Jadi, benda macham itu semua, Dato' Pengerusi, saya ingat kita semua kenal, benda-nya agak bujur, ada biji² itu kesemuanya

Tuan Pengerusi: Abacus!

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Abacus.

Tuan Pengerusi: Adding machine lebih senang.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Ya, terima kaseh, Dato' Pengerusi. Saya fikir kalau alat ini kita gunakan di-sekolah, maka satu kechergasan kepada murid² di-dalam membuat kira² agak lancar sedikit dan boleh-lah bagi murid² Melayu, saya katakan sa-tanding dengan orang yang bukan Melayu dalam membuat kira² dengan agak lekas sedikit.

Kemudian satu lagi, Dato' Pengerusi, kalau kita pergi ka-sekolah rendah mithalan-nya, kita pergi tengok pagi², kadang² atau pun masa rehat kita tengok sa-tengah² guru membiarkan murid² tadi bermain bola, atau pun bermain ping pong, walau pun ini bertujuan untuk memberi kesihatan kepada murid², tetapi saya fikir permainan² saperti ini patut di-adakan di-sabelah petang supaya peloh yang keluar daripada tuboh badan murid² tadi tidak memberi satu bahu yang agak busok sa-masa murid² tadi sedang belajar. Saya berpendapat ada satu jenis permainan yang agak sesuai sa-masa di-sebelah pagi atau pun di-masa rehat ia-itu permainan chator patut di-galakkan kepada murid² sekolah, kerana permainan ini sa-chara tidak langsung menajamkan fikiran kanak² dan memberi suatu kechergasan kepada kanak² berfikir. Ma'alom-lah bagi mereka yang biasa bermain chator barangkali tentu-lah dia dapat dari Dato' Pengerusi pun barangkali lebeh faham dari saya, kerana permainan chator ini mesti berkehendakkan kepada orang yang liar dan chergas chara berfikir-nya

Tuan Pengerusi: Saya sendiri tidak pandai lagi, 30 tahun belajar pun tidak pandai lagi.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Jadi dengan sebab itu-lah, Dato' Pengerusi, kalau di-adakan latehan dari sekolah, maka tidak-lah memerlukan masa 30 tahun lagi.

Dr. Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, apa-ka² jenis chator international chess atau chator China? Apa yang di-maksudkan oleh Ahli dari Besut tadi beliau ada menyuruh Kerajaan atau Kementerian Pelajaran mengambil perhatian tentang abacus atau dalam bahasa Hokkien Sng Phua.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Pengerusi, masalah apa jenis chator ini terulang-lah kepada Pegawai² yang ada di-Kementerian Pelajaran, sebab saya sendiri pun hendak mengulas chator ini saya pun patut belajar lagi bukan patut memberi, tidak.

Dato' Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin menyebutkan di-sini pada minggu yang lepas atau pun dua minggu yang lalu di-dalam Dewan ini juga apabila Yang Berhormat Menteri mengemukakan berkenaan dengan bekalan atau pun peruntukan pembangunan bagi Universiti Kebangsaan, maka saya telah bertanya kepada Menteri yang

berkenaan kenapa daripada peruntukan sa-banyak \$40 juta yang di-beri dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua hendak di-belanjakan pada tahun ini sa-banyak \$2,500,000 sahaja, maka jawapan yang di-beri kepada saya tapak-nya belum ada lagi bagi Universiti Kebangsaan, sebab itu-lah peruntukan sa-banyak \$2,500,000 sahaja perlu sa-bagai peruntukan sementara untuk di-buatkan bangunan² sementara di-tempat yang sementara.

Pada hari ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pun membuat satu pengumuman sa-chara tegas dan terang bahawa tapak-nya sudah ada ia-itu di-Bangi dekat dengan Kajang. Jadi, Dato' Pengerusi, kalau sekarang ini tapak-nya sudah ada, persetujuan pun sudah di-dapati peruntukan sa-banyak \$40 juta sudah pun di-masokkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua, maka saya merayu dengan sungguh² kepada Menteri Pelajaran, atau pun Kementerian Pelajaran atau pun kepada Kerajaan Perikatan yang ada pada hari ini supaya mempercepatkan pembenaan Universiti Kebangsaan ini dan peruntukan yang di-beri dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua sa-banyak \$40 juta itu tidak-lah di-tanggoh masa lagi, kerana lagi chepat Universiti Kebangsaan ini di-dirikan dan di-buat asrama penoh lagi baik di-dalam keadaan negara sekarang ini. Sebab ra'ayat dalam tanah ayer kita ini sudah lama menunggu hendak melihat bangunan yang kekal bagi Universiti Kebangsaan kita.

Dato' Pengerusi, perkara yang akhir-nya saya ingin sentoh di-sini ia-lah masalaah pertukaran guru². Pertukaran guru² ini, Dato' Pengerusi, walau pun tujuan dan asas di-adakan pertukaran ini ia-lah bertujuan untuk pembaharuan, untuk di-charikan perubahan untuk di-buat satu kaedah supaya guru yang ahli dalam mata pelajaran ini di-tempatkan di-sekolah itu, yang ahli ini di-bawa ka-sini, kalau sekolah ini terlampau ramai guru yang mahir mata pelajaran ini maka perlu di-ator²kan. Jadi saya dapat faham biasa-nya alasan yang di-beri oleh Kementerian Pelajaran ia-lah untuk pembaharuan chara mengajar, pembaharuan chara berfikir-nya tetapi tidak dapat di-elakkan di-sabalek pembaharuan itu ada penekanan sedang di-jalankan oleh sa-tengah² pegawai di-satengah² negeri terhadap guru². Kerana itu-lah, Dato' Pengerusi, apakala di-adakan pertukaran pada

tiap² tahun pada guru ini ada sahaja kita bacha dalam akhbar rasa tidak puas hati dari sa-tengah² guru kerana kadang² mereka dari-pada pulau di-bawa ka-hulu, dari hulu ka-hulu, dari hulu ka-hulu, 20 tahun berkhidmat keliling punya keliling, pulau, hulu, hulu, hulu bersara pun tidak masok juga ka-dalam bandar. Jadi apakala guru ini menerima surat pertukaran jumpa dengan Ketua Pegawai Pelajaran di-tiap² negeri, Ketua Pegawai Pelajaran mengatakan hendak kerja-kah, atau hendak berhenti. Hamba Allah ini, Dato' Pengerusi, datang merayu dia ini dari hulu ka-hulu, dari hulu ka-hulu, tiba² jawapan-nya hendak kerja-kah, hendak berhenti. Jadi, kalau guru ini hendak berhenti dia tidak masok ka-dalam bilek Ketua Pegawai Pelajaran mencheritakan masalah yang di-hadapi.

Tetapi kerana dia hendak kerja, maka sebab itu dia terpaksa berjumpa. Tetapi kalau jawapan yang saperti itu di-beri maka guru tadi keluar daripada bilek Ketua Pegawai Pelajaran, dia pergi ka-sekolah yang telah di-hantar tetapi bukan mengajar yang dia pergi ka-sana, dia dudok di-sana dengan perasaan sakit hati, dengan perasaan yang penoh dengan dendam maka dengan sendiri-lah murid² yang ada di-sekolah tadi tidak mendapat pengajaran yang baik. Dan ini berlaku bukan sahaja dalam sa-buah negeri. Saya berani mengatakan seluroh Malaysia benda ini berlaku. Boleh di-katakan satu pertiga daripada guru² yang ada di-seluroh Malaysia ini terkena dengan penyakit yang saperti ini. Jadi dengan sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, saya ingin meng-shorkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menchari keadilan sebab guru ini merupakan satu pegawai yang asing daripada pegawai² lain. Pegawai lain, kalau di-tukarkan pun, Tuan Pengerusi, kalau kita kata-lah pejabat itu berada di-dalam bandar tetapi kalau sekolah² berada di-mana sahaja ada manusia, di-kawasan² pendalaman, di-pulau, di-hulu², di-hujung² kampung. Wal hasil, Tuan Pengerusi, saperti yang saya kata tadi, di-mana ada manusia maka di-situ-lah ada sekolah. Mahu tidak mahu apakala di-tukar, dia mesti pergi. Jadi untuk menchari keadilan, Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya di-tiap² negeri di-tubuhkan suatu Jawatan-kuasa atau pun suatu Jema'ah Perayu. Erti-nya apakala guru tadi sudah menerima memo pertukaran daripada Ketua

Pejabat dia, kira-nya dia merasa bahawa dia itu dari hulu ka-hulu, dari hulu ka-hulu di-tukarkan, maka dia berhak membuat rayuan kepada Jema'ah Perayu tadi dan hendak-lah Jema'ah Perayu tadi tidak dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Pelajaran. Pengerusi-nya hendak-lah terdiri dari orang bebas. Dan Ketua Pegawai Pelajaran yang ada dalam negeri itu hendak-lah hadhir di-dalam Jema'ah Perayu tadi sa-bagai orang yang kena di-soal supaya dapat dia menerima kenyataan yang tepat kenapa guru itu hendak di-tukarkan, sa-tiap tahun dari hulu ka-hulu. Ada-kah ini pembaharuan atau pun ini penekanan. Jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, kalau ini kita dapat lakukan maka guru yang terasa diri dia di-zalimi, guru yang terasa diri dia di-tekan tadi dapat-lah merayu kepada suatu Badan yang dapat memberi pertimbangan dan dengan pertimbangan Badan tadi merupakan suatu pertimbangan yang adil, dan di-atas keadilan itu-lah saya fikir, Tuan Pengerusi, guru tadi akan dapat berkhidmat dengan perasaan jujur dan ikhlas. Sekian, terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian dalam perbahathan perbekalan tentang Kementerian Pelajaran yang di-kemukakan oleh Menteri Pelajaran. Di-samping itu, saya hendak mohon izin hendak berchakap dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, pertama saya hendak sentoh sedikit sa-banyak tentang kemiskinan antara murid². Sa-bagai sa-orang yang lahir di-luar bandar dan pergi ka-sekolah bukan naik bas, pada masa 40 tahun lalu mana ada wang untuk naik dengan bas, naik dengan basikal dan jika basikal rosak, kena berjalan kaki.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu saya sedar kemiskinan antara murid² bukan di-luar bandar bahkan di-bandar juga. Saya sedar di-antara murid² di-luar bandar mahu pun di-bandar juga kadang² mereka pergi ka-sekolah perut lapar, sa-bagaimana yang telah di-sentoh oleh wakil dari Kampar. Dan kalau murid² itu pergi ka-sekolah perut lapar, bagaimanakah mereka boleh belajar di-sekolah, walau pun kemudahan² di-sekolah bagitu lengkap atau guru² di-sekolah bagitu baik. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Pelajaran boleh mengadakan atau memberi makan tengah hari atau masa

berehat kepada murid² yang di-kehendaki minuman atau makanan biskut yang di-adakan di-beberapa sekolah masing² di-negara kita. Ini, Tuan Pengerusi, mustahak oleh sebab saya kalau Kementerian Pelajaran mengambil survey maka bukan beratus², beribu² antara murid² di-sekolah rendah tidak ada makanan sa-belum mereka pergi ka-sekolah. Bagitu juga, Tuan Pengerusi, oleh sebab murid² itu ibu bapa-nya tidak ada wang untuk membeli makanan pagi, maka mereka itu juga tiada buku² teks atau buku² exercise. Kerajaan Negeri masing² ada memberi bantuan untuk membeli buku² tersebut, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, bantuan ini langsung tidak men-chukupi. Baharu tengah hari ini, saya dapati sa-orang kawan saya talipon kepada saya. Beliau menyatakan: Doktor apa macham, boleh-kah membentangkan perkara ini di-Dewan Ra'ayat, jika ada peluang. Beliau menyatakan di-sabuah sekolah di-Petaling Jaya, itu bukan luar bandar, itu di-bandar. Di-sekolah itu, murid² di-sana : di-paksa untuk membeli buku² teks, buku² exercise dan apabila murid² tersebut tidak ada wang untuk membeli buku² tersebut mereka di-halau keluar dari sekolah itu. Tuan Pengerusi, ini-lah masaaalah yang paling penting untuk pelajaran murid² di-sekolah rendah khas-nya dan jika kami hendak berhentikan atau menghapuskan drop-outs di-negara kita, Kementerian Pelajaran dan Kerajaan Pusat mesti mengambil perhatian dan mengambil tindakan supaya kami boleh mengatasi masaaalah² ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak menguchapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran atas pengumuman tapak tanah untuk Universiti Kebangsaan. Saya berasa tapak tanah itu sesuai oleh sebab sekarang Universiti Kebangsaan tidak akan di-benakan di-dalam Kuala Lumpur tetapi jauh daripada Kuala Lumpur. Satu masaaalah yang saya khuatir akan timbul ia-lah jika Universiti Kebangsaan hendak mengadakan Fakulti Perubatan, di-mana-kah murid² di-dalam Fakulti itu akan pergi apabila mereka pergi ka-hospital? Nampak-nya murid² itu atau mahasiswa itu terpaksa pergi ka-Kuala Lumpur, atau pergi ka-Seremban, atau pergi ka-Hospital Kajang. Tuan Pengerusi, ini ia-lah masaaalah yang paling penting untuk mahasiswa² yang akan masuk Fakulti Perubatan yang akan di-adakan di-Universiti Kebangsaan, dan saya berharap sekarang-lah Kementerian

Pelajaran boleh mengambil perhatian supaya apa² masaaalah yang akan timbul boleh di-atasi oleh Universiti Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, baharu² ini ada di-siar-kan di-dalam akhbar, ia-itu Kerajaan Pusat akan memanjangkan bon tentang mahasiswa² yang mendapati biasiswa² daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan ingin memanjangkan bon itu daripada tahun tujuh kepada tahun ka-sapuluh. Tuan Pengerusi, juru-chakap itu menyatakan, oleh sebab sa-orang mahasiswa di-dalam Fakulti Perubatan, Kerajaan Pusat kena belanja \$20,000 dan sa-orang mahasiswa di-dalam Fakulti Sastera, Kerajaan Pusat akan belanja \$5,000 maka Kerajaan Pusat ingin hendak memanjangkan bon tersebut.

Tuan Pengerusi, jika apa yang di-chakapkan oleh juru-chakap itu benar, saya hendak menyatakan bahawa perbelanjaan Kerajaan Pusat untuk sa-orang mahasiswa di-Fakulti Universiti ia-lah bukan-nya \$20,000 setahun, tetapi \$10,000 lebeh sahaja untuk tahun ini dan untuk mahasiswa yang memasoki Fakulti Sastera perbelanjaan itu bukan \$5,000; tahun yang lalu ia-lah jumlah-lah tidak chukop \$2,000. Tahun ini barangkali \$2,300 sahaja. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, Kerajaan Pusat tidak berbelanja begitu banyak kepada mahasiswa² di-Universiti Malaya. Apa² angka yang saya berikan ini ia-lah untuk Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan pandangan atau chadangan itu. Apa yang saya berharap Kementerian Pelajaran boleh meluaskan tempat² di-dalam Universiti² masing², khas-nya di-Fakulti Perubatan dan Fakulti Sains supaya graduates yang di-kehendaki oleh Kerajaan boleh men-chukopi pada masa yang akan datang.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I now wish to touch on the posting of teachers in the various secondary schools. I do know that the person who makes these postings has a very onerous job. There is a hymn in my church, Mr Chairman, Sir, which runs like this:

"God moves in a mysterious way
His wonders to perform."

I regret to say that this officer, despite the tremendous job he has to do, moves in a mysterious way and sometimes his confusion to perform. Mr Chairman, Sir, I say it because—again I reiterate—although he has

a tremendous responsibility and a very onerous job and an unenviable job also, one very often fails to understand the moves he makes on the "chessboard". Just now we heard the Honourable Member for Besut grumbling about teachers being sent from ulu ka-ulu and kampong ka-kampong, but very often one knows that where a teacher is eminently suitable in a particular place and where a teacher has been sent by a particular school to a university in the hope that he will come back to the school when he graduates and when he finishes his Diploma of Education, to the horror of the school concerned, the teacher has been posted to another place and another teacher totally unqualified to teach the subject is posted to the school concerned.

I am not talking of nebulous things, Mr Chairman, Sir. I wish to bring to the attention of the Minister of Education and to the civil servants sitting behind the Minister that this has actually happened in a school in Klang, and if the Minister wants to know, later on I can reveal to him the school concerned, where the Headmaster—who is now in the hospital, not due to this case though (*Ketawa*)—is tearing his hair in rage in the hospital. He says, "I depend on this teacher to teach this subject and now he is posted elsewhere; I am given somebody else and that somebody else is totally unqualified and, worse still, that person is also now shifted away and somebody else is brought in." Now, this is why I say this officer concerned who makes the moves on the chessboard in the Ministry sometimes creates a great deal of confusion. I do understand, I reiterate, the difficulties of that officer concerned, but I do hope that the Ministry in making these moves on the chessboard will spend a little more time. I do not say they do not have the interest of the schools concerned. They obviously have. But, I think they should spend a little more time and perhaps have a little more consultation with the schools concerned so that we can avoid some of the mistakes that I have alluded to.

Mr Chairman, Sir, the avowed policy of the Ministry of Education, and indeed of the Government, in this re-structuring of society is to see that the schools turn out less and less people for the humanities and more and more graduates for the sciences and indeed the Higher Education Planning Committee had been very bold in saying that the ratio

that exists between the arts and science faculties will be reversed. Now, Mr Chairman, Sir, far from this ratio being reversed, I do not see—I reiterate, I do not see—any move in this direction. In other words, the school systems are still pouring out more and more sixth formers and fifth formers qualified in the humanities and not more and more in the sciences, with the result that the universities are compelled to take in more and more undergraduates for the humanities and not enough for the sciences. To give but one example, in the University of Malaya last year the University took, I think, 1,221 arts students, Sir, and the science faculty only took about 500-odd science students. I think the fault does not, of course, lie with the universities concerned. The fault lies with our school systems and I do acknowledge that this is a process that cannot be reversed overnight, but if there is some trend one would be happy, but one does not see a definite trend towards increasing more and more science students qualified to enter the science faculties in our universities and instead more and more students qualified for the humanities are knocking at the doors of the universities and I can say that the universities do not have enough facilities to cater for such large numbers of students wanting to enter the humanities. There the courses are not diversified enough with the result, Mr Chairman, Sir, more and more are going into Malay Studies, more and more going into Islamic Studies and the bulk of the students—at least in the University of Malaya—are compelled, not that they want to go to the Department of Malay Studies or to the Department of Islamic Studies, but they are compelled to because there are not enough places in other Departments with the result that while I have nothing against the arts graduates from the Malay Studies Department or from the Islamic Studies Department, nevertheless, what sort of graduates do we want to produce for our Civil Service, for our Foreign Service, for business and all that. People naturally look a little askance at such a large turnout of Arts graduates from both these departments. It is true that in the University of Malaya the Department of Sociology will soon be started, but, nevertheless, if the school system were to produce less students qualified for the humanities and more for the Science streams, then we can really talk of the re-structuring of the society, at least educationally.

Mr Chairman, Sir, when we debated the Education (Amendment) Bill, I brought to the attention the problems of the Teachers Provident Fund, of the wastage or the drop-outs, particularly from our rural schools, and of the wasteful use of manpower in the rural schools, where you have a school with probably forty or fifty students and two teachers. Although I was not present when the Minister wound up the debate on that Bill, I went through his speech very carefully and I regret to say that in his reply he did not say a single thing regarding the T.P.F., the dropouts or the wastage from the rural schools and of the wastage of manpower of small schools scattered along all over the rural areas. I hope he does not think that these are not important, because I am sure that the Member for Besut just now talked about the dropouts also and he is very concerned and so are all of us. I am quite sure that the Government is also very concerned over this large number of dropouts, and I am sure the Minister himself is very concerned, but unfortunately, as I had said, in his winding-up speech on the Education (Amendment) Bill, he did not say a single thing about the T.P.F., about the wastage, about these important matters that I brought to his attention. Likewise, I wish to bring again to the attention of the Minister—and I shall continue to bring to the attention of the Minister whenever I have the opportunity until he finds an equitable solution to this problem—the problem of the school clerks, the gardeners, the jagas, the I.M.G. group of workers and the Division IV group of workers. I do know that the Minister at long last has passed a circular regarding this category of workers in the Education Ministry—and I know that the Union is studying this matter very carefully—but I believe I am right in saying that if they want to opt for this new scheme, I think the operative date for the implementation is April this year—I stand corrected on that. The plea I have made with the Minister is that since the Suffian Scales were implemented from the 1st of January 1970 and the Aziz Scales are also being implemented from the 1st of January 1970, I say that the school clerks, the gardeners, the office boys and the like, that whatever that is offered to them, should also be implemented from the 1st of January 1970. They have a better claim, I think, than the people who have benefited under Suffian and Aziz recommendations because their

claims date back to the time when the U.T.S. was started and that was back in 1957 or the year of Merdeka. The Minister has promised that he will give this his personal attention. Unfortunately when he wound up his speech on the Education (Amendment) Bill, he did not say a single thing about this category of workers under his Ministry.

Mr Chairman, Sir, I now wish to touch a little bit on the M.S.D., the Malaysian Students' Department in London, and presumably the same holds good for the M.S.D. in Australia as well. From time to time, when I happen to be in London I have made it a practice of going to the M.S.D. there and talking to the students there. Now, last year when I was there soon after the great debate on the amendment of the Constitution here, the students complained about two things. They said, "Doctor, you know, great events and great changes have taken place in Malaysia and we know nothing about them except what is printed in the papers. The papers also come so late." Now they complained first of all that there was not a single copy of the Constitution in Malaysia Hall. Now, I think they find it very baffling because one of the things that the Ministry of Education would want to do would be to keep our students posted about things Malaysian, about what is happening in Malaysia, not just through the newspapers alone, and the Ministry knew that there would be these great debates about amendments to our Constitution and one would have thought that the Ministry would have sent copies of the Constitution well in advance of the debates here so that the students there could follow knowledgeably about what was taking place in this country at that time. The other thing which they complained, Mr Chairman, Sir, is that they do not have a single copy of the *Hansard*. I do hope, Mr Chairman, Sir, that the Minister will direct some of his officers to send copies of our *Hansard*, these cyclostyled sheets, send 5 to 10 copies every time they are published to the M.S.D. because I can say that they are very interested in what is happening here. Unfortunately the Ministry of Education does not think that they should be interested, or the Ministry of Education perhaps does not think it is important that they should be interested. I do hope, Sir, that these two shortcomings in the M.S.D. will be rectified by the Minister of Education so that our students abroad can know what

is happening in this Chamber, the supreme legislative body in our country, and perhaps one of these days, who knows, a Prime Minister may arise from the ranks of those who are studying abroad and they naturally are interested in what is happening.

Mr Chairman, Sir, I have brought to the attention of the Minister all these problems regarding education in general in this country not with the idea of harping criticism, but I hope that the Minister will take what I have said on its face value and try and find some solution to the problems that I have brought to his attention. Thank you.

Dato' Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir (Trengganu Tengah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dengan sa-tinggi²-nya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah mengemukakan satu rancangan perbelanjaan yang saya nampak sungguh besar erti-nya kepada masa hadapan pemuda² yang akan memegang pemerintahan dan segala²-nya dalam tanah ayer kita ini. Walau macham mana pun, Tuan Pengerusi, tentu-lah ta' ada gading yang tidak retak, dan oleh sebab itu di-dalam tajok yang di-adakan dalam estimate perbelanjaan ini, saya berasa ada beberapa perkara yang perlu bagi Kementerian ini mengambil perhatian lebeh dalam lagi.

Saya sedar Yang Berhormat Menteri Pelajaran baharu memegang jawatan ini sah-tahun lebeh sahaja, yang memerlukan banyak masa lagi barangkali untuk melichinkan beberapa perkara yang tidak begitu lichin, tetapi saya perchaya beliau akan mengambil perhatian yang berat di-atas perkara ini.

Pertama sa-kali bagaimana yang telah di-laong²kan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Menteri² Kerajaan kita ia-lah peranan Kementerian², peranan Jabatan² Kerajaan dalam menyokong perniagaan orang Melayu. Kalau ta' salah saya, walau pun dalam lapangan Kementerian Pelajaran ini tidak-lah boleh di-bandingkan dengan Jabatan² Kerja Raya dan lain² di-mana ada pembenaan bangunan rumah² besar dan lain, tetapi besar juga peranan perniagaan orang Melayu yang pernah di-mainkan oleh Kementerian ini, mithal-nya dalam mengadakan buku² bacaan, text books, rampaian dan lain² lagi. Ini-lah satu lapangan yang menjadi satu

perniagaan tradisional kapada peniaga² Melayu terutama sa-kali dalam buku² bahasa Malaysia. Tetapi malang-nya, peninjauan saya semenjak tahun² yang akhir ini peniaga² Melayu yang biasa-nya maju dalam lapangan ini sudah banyak yang tutup kedai-nya, atau tutup perniagaan-nya. Di-mana-kah sebab dan puncha-nya. Ini-lah yang saya meminta Kementerian Pelajaran mengambil perhatian besar sa-kali. Pada pandangan saya sebab² yang besar sa-kali ia-lah tertentu peniaga² Melayu kita ini tidak dapat bertanding apabila peniaga bukan Melayu dapat membuka perniagaan² dengan modal dan chara² yang lebeh up-to-date lagi. Tetapi walau macham mana pun banyak perkara² patut di-halusi, terutama mithal-nya tentang kenapa sekarang ini kedai² buku, school bookshop, di-sekolah² yang saya dengar—saya harap di-perbetulkan kalau tidak betul—hanya di-monopoli oleh tiga sharikat sahaja ia-itu Sharikat United Company, Antonian dan Tai Kwah. Tiga buah sharikat bukan Melayu memonopoli semua buku², kedai² buku di-sekolah². Walau pun barangkali kampeni² ini ada memberi commision yang baik kapada kedai² itu atau sekolah² itu, tetapi akibat-nya kedai² Melayu, peniaga² buku Melayu yang sa-lama ini dapat peluang mengadakan atau berniaga lapangan ini terpaksa tutup kedai, kerana perkara ini.

Yang kedua-nya, apabila kumpulan tiga kampeni ini sahaja yang memonopoli kedai² buku sekolah ini. Tiga kampeni ini juga-lah yang banyak mengeluarkan penerbitan² buku textbook dan lain² lagi. Jikalau sa-buah sekolah itu mengeluarkan satu daftar buku daripada berbagai² penerbitan biasa-nya mana² buku yang di-terbitkan oleh penerbitan yang bukan di-punyai oleh tiga kampeni ini, buku itu biasa-nya susah di-dapati di-kedai² sekolah itu, walau pun ada dalam senarai-nya. Boleh jadi ini sengaja di-buat begitu dengan tujuan apabila murid² membeli buku² yang bukan penerbitan kampeni yang monopolise buku itu, tidak dapat beli, terpaksa-lah di-beli ganti-nya dengan buku yang di-terbitkan oleh kampeni² ini.

Sa-lain daripada itu pula, kalau tidak salah saya—saya harap di-perbetulkan juga—tiga² kampeni ini juga-lah yang memonopoli mengadakan buku² exercise, buku² rampaian. Dalam Malaysia kita ini khabar-nya ada di-kehendaki sa-banyak

30 melion buku exercise pada tiap² tahun. Oleh kerana buku exercise ini di-monopoli hanya oleh tiga buah sharikat ini, maka mereka itu boleh menentukan harga-nya mengikut kehendak mereka. Jikalau harga dahulu 15 sen boleh mereka naikan 30 sen dalam tangan mereka, tetapi jikalau kita fikirkan mereka tidak menaikkan harga pun dengan hanya membuat keuntungan sebanyak sa-puluh sen sa-buah sahaja, 30 juta buah buku tadi kampeni itu mendapat untong berseh \$3 juta. Apa-kah ini tidak ada kemungkinan bagi Kementerian Pelajaran menchari jalan, jika-lah tidak di-beri semua sa-kali 100% kepada peniaga² bumiputra yang pernah, atau telah membuat perniagaan lapangan ini di-beri 50% daripada-nya kepada peniaga² bagini. Saya tidak menentang kepada peniaga² warganegara Malaysia kita, sama ada dia bumiputra atau pun tidak bumiputra, yang saya harap ia-lah satu chara layanan yang saksama pada semua golongan² peniaga, dengan chara itu boleh sampai maksud tujuan yang di-laong²kan oleh pemerintah kita, dan hanchorkan monopoli, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menarek perhatian Kementerian Pelajaran berkenaan dengan Biro Textbook dan peranan² Guru² Besar di-dalam menjalankan pemilehan buku² untuk di-gunakan di-sekolah². Kalau tidak silap saya Biro Textbook sekarang ini menentukan jenis² buku yang boleh di-pakai di-sekolah² dan terpulang-lah kepada Guru² Besar untuk menentukan pula buku penerbitan mana buku yang di-keluarkan oleh publisher yang mana untuk di-pakai di-sekolah². Dengan chara yang demikian, walau pun saya tidak ada shak wasangka kepada mana² pihak yang berkenaan termasuk-lah Guru² Besar, kadang² mendatangkan desas-desus yang menchurigakan boleh jadi oleh sebab perkara² yang tertentu Guru² Besar lebih suka mengeshorkan buku² untuk di-gunakan di-sekolah-nya daripada penerbit² yang tertentu. Sebab²-nya itu tidak dapat-lah saya sebutkan dengan tentu, tetapi ada-lah shak wasangka sahaja, ada-lah perkara² ini juga mustahak kita halusi oleh sebab satu perkara yang di-hadapi oleh ra'ayat negara kita ini Melayu dan bukan Melayu-nya ia-lah Textbook itu dengan harga yang tinggi dan sabagai-nya. Oleh sebab itu, saya rasa Kementerian Pelajaran mesti-lah mengambil langkah yang tegas lagi dalam perkara ini

di-samping barangkali membenarkan Guru Besar-nya boleh menentukan buku² sekolah, Biro Textbook ini mengambil langkah yang lebih tegas lagi melihat dalam menentukan itu satu chara yang adil mesti-lah di-jalankan.

Apa yang menghairankan saya lagi, kalau tidak salah, buku² textbook ini oleh kerana sudah banyak berbagai² pandangan di-beri pada masa yang lampau, tidak patut di-tukar tiap² tahun, maka Kementerian Pelajaran telah bersetuju untuk menetapkan satu jenis buku tidak boleh di-tukarkan dalam masa tiga tahun. Itu satu langkah yang sangat menasabah, tetapi betul-kah langkah² ini di-pegang dengan sa-benar-nya dan ada-kah pihak² yang berkenaan melaksanakan dasar ini? Ini pun saya harap dapat perhatian yang sa-benar-nya.

Saya sangat hairan pula apabila saya membacha dalam Kertas 48 ia-itu yang bersama dengan Belanjawan ini dalam perkara Dewan Bahasa dan Pustaka pula. Dalam muka 289 dalam perkara (ii) berkenaan dengan Dasar dan Tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka:

"Dalam menjalankan penerbitan Dewan ada-lah di-pandu oleh 3 matlamat dasar yang besar ia-itu:

- (a) mengeluarkan buku² dengan harga jualan sa-rendah yang mungkin tanpa mengurangkan mutu sekian banyak banyak hingga menjadikan buku² Dewan tidak ekonomikal bagi di-gunakan;
- (b) mengeluarkan buku² yang mudah di-jual supaya sa-bahagian daripada kerugian yang di-alami dalam usaha menchapai matlamat kedua di-(b) boleh di-atasi."

Yang saya kurang faham ia-lah bersama saya di-sini ada lima enam buah senarai² yang di-keluarkan oleh sekolah² di-Kuala Lumpur untuk pemakaian murid². Mithalnya, di-sini senarai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris, Jalan Padang Tembak, bagi Darjah II, III, IV dan sa-terus-nya.

Dalam Darjah II ini, Tuan Pengerusi, ada buku Kursus Bahasa Malaysia Sekolah Rendah—Penerbitan Antarasia, Bahasa Malaysia untuk Sekolah Rendah—Penerbitan Times, Bahasa Malaysia untuk Sekolah Rendah—Times, Sains Rendah

untuk Kanak² U.T.S., Kira² Rendah untuk Darjah II—S.T.P. dan sa-bagai-nya, satu pun tidak ada yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagitu-lah juga yang di-tetapkan oleh Convent Primary School, Bukit Nenas. Jangankan yang kelas tinggi Form V, Form IV dan sa-bagai-nya yang saya baca ini ia-lah daripada standard/darjah sekolah rendah I, II, III—itu pun saya dapati di-sini, Tuan Pengerusi, tidak ada satu pun yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagitu-lah juga ini ada senarai Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Temerloh, buku² Bahasa Malaysia-nya Pendidikan Bahasa Kebangsaan untuk Darjah I daripada Dewan Bahasa dan Pustaka pun tidak—Pendidikan, Pendidikan Bachaan Tambahan Buku I—Pustaka Pendidikan, Sains Rendah Buku Kanak² Malaysia—Educational Publication House, tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada satu. Jadi jikalau bagini keadaan, apa-kah saya bertanya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka di-dalam lapangan mengadakan buku² teks ini. Ada-kah buku daripada Dewan Bahasa dan Pustaka tidak bermutu, tidak dapat di-pakai—saya hairan sa-kali. Oleh sebab daripada apa yang saya lihat di-kedai² buku, buku yang di-adakan, di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dari sa-rendah²-nya Darjah I sampai Darjah V, dari Form I sampai ka-Form VI boleh di-katakan jikalau tidak pun sa-ratus-peratus 75% mutu-nya jikalau tidak lebeh tidak kurang daripada buku² karya lain. Tentang harga pun bagitu juga bahkan ada yang murah daripada apa yang di-jual oleh penerbitan² yang lain. Jadi di-mana-kah silap-nya? Saya tidak hendak melepaskan tanggung-jawab atas soalan ini daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi yang saya tidak faham, kenapa-kah sekolah² ini mengeneipkan langsung buku² Dewan Bahasa dan Pustaka dan menggunakan buku² yang di-terbitkan oleh penerbitan² lain. Jikalau-lah tidak mahu menggunakan sa-ratus-peratus sa-kurang²-nya oleh kerana Dewan Bahasa dan Pustaka satu badan berkanun Kerajaan di-gunakan 50%—ini tidak langsung. Boleh jadi di-jawab buku² ini hendak menchukopkan 3 tahun baharu hendak di-tukar—itu pun saya waswas. Saya harap-lah Menteri Pelajaran pereksa betul², betul-kah buku² ini chukop 3 tahun atau pun hanya baharu di-kemukakan tahun ini dan sa-bagai-nya.

Tuan Pengerusi, dalam perkara Dewan Bahasa dan Pustaka ini saya tidak faham, kena apa ada buku² Dewan Bahasa dan Pustaka yang isi-nya sama lebeh kurang dengan buku² yang di-terbitkan oleh penerbitan lain. Saya tidak menyangka yang Dewan Bahasa dan Pustaka ada meng-copy, atau menyalin buku² dari penerbitan² lain, tetapi lebeh shak wasangka saya yang banyak penerbitan² yang lain menyalin atau mengambil sa-bahagian besar daripada buku² Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjadikan buku² mereka. Bukan itu sahaja, ada buku² pula yang di-terbitkan oleh penerbitan² lain yang gambar²-nya, lukisan²-nya saling tidak tumpah sama sa-rupa dengan buku² yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kenapa dan mengapa jadi bagini? Ini yang patut kita persoalkan.

Satu lagi yang lebeh menghairankan, saya perchaya Dewan Bahasa dan Pustaka ini chukop anggota²-nya, tetapi ada-kah menjalankan satu plan yang tersusun untuk menchapai tujuan-nya bagi mengadakan buku² teks ini. Yang saya maksudkan sa-bagai sa-buah badan yang menjalankan bidang perniagaan di-dalam lapangan ini, kenapa banyak pula buku² Dewan Bahasa dan Pustaka tidak siap pada waktu-nya. Ada-kah ini pun satu penyelewengan yang sengaja atau tidak? Mithal-nya sa-buah buku sains atau sa-buah buku kira² untuk Darjah III sahaja, Tuan Pengerusi, yang mesti di-gunakan pada tahun 1972 ini, sekolah di-buka pada 3 atau 4hb Januari, 1972, maka buku itu mesti sudah ada siap bulan Disember sa-lewat²-nya, atau sa-belum di-buka sekolah. Buku² yang di-kehendaki bagini tidak siap kadang²-nya sampai bulan 2 atau bulan 3, dengan sebab itu barangkali membolehkan pula guru² besar atau pehak sekolah mengubah oleh kerana tidak mahu menyekat pelajaran, tidak mahu menghalang pelajaran murid² di-gunakan buku lain. Jadi apa yang saya rasa churiga betul-kah Dewan Bahasa dan Pustaka ini tidak sengaja melewatkan itu, atau pun ini pun satu permainan pula daripada penerbit² lain yang dengan chara apa pun melambatkan, bukan dengan pegawai² Dewan Bahasa dan Pustaka, boleh jadi dengan satu helah pula dengan penchetak dan sa-bagai-nya melambatkan buku Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi buku ini tidak dapat di-jual, buku yang

mereka karang sendiri dapat di-jual—mengapa? Ini perkara yang saya rasa satu tindakan dan langkah berat mesti di-ambil.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, banyak pula saya dengar khabar, saya ini tidak ada berniaga kedai buku, tetapi banyak daripada kawan² saya—saya berterus-terang mengatakan—yang menjual dalam lapangan ini maka daripada pergaulan hari² saya dapat tahu, ada pula buku² Dewan Bahasa dan Pustaka yang kalau pergi ka-Dewan Bahasa dan Pustaka atau kedai² atau agen² yang dilantek oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, kita beli dengan harga \$1 kita boleh beli di-kedai² tertentu dengan harga 50 sen sahaja, lebih murah daripada cost price—separoh. Kena apa menjadi begitu? Saya sendiri mendengar dan menyaksikan sa-orang kawan saya, sa-orang peniaga bumiputra daripada Kelantan datang ka-Kuala Lumpur, tinggal di-sabuah hotel di-sini di-kunjongi oleh beberapa orang peniaga² buku yang menjual buku² Dewan Bahasa dan Pustaka yang di-chetak dengan sa-chara haram ia-itu Dewan Bahasa dan Pustaka, boleh jadi mengeluarkan 100,000 buku tetapi yang di-kehendaki barangkali sa-banyak 300,000 maka yang 200 lagi itu, dengan ada-nya kemudahan offset dan lain² hari ini dengan tidak sa-tahu Dewan Bahasa dan Pustaka, sama dengan dia churi teks dan sa-bagai-nya itu, di-chetak sama ada di-Hong Kong, di-Taiwan, atau pun di-Singapura, atau pun di-Sungai Besi dan lain² lagi dengan tidak payah modal yang besar, buku itu di-jual sa-chara kata orang pirate, dengan sa-chara lanun di-merata² tempat dengan harga yang rendah—ini-lah langkah. Saya tidak silapkan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam lapangan ini dan ini-lah satu perkara masaalah yang pihak Kementerian Pelajaran patut sangat-lah mengambil perhatian yang besar.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, ada pula saya mendengar khabar kadang² tentang jumlah penchetakan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam buku² tertentu. Ada buku² tertentu yang tidak begitu mustahak di-chetak dengan bilangan yang banyak, mithal-nya di-kehendaki hanya 50,000 naskhah di-chetak sampai 100,000 dan ada buku² yang kita tahu yang di-pakai oleh murid² sekolah yang telah di-rekmenkan oleh Biro Textbook ini oleh guru besar, yang kalau kita agak Darjah V memerlukan buku, katakan buku hisab, buku sains-kah sa-banyak 300,000 buah diseluruh Malaysia, di-chetak banyak 150,000.

Jadi, dengan chetakan yang kecil itu murid² berlumba² hendak beli ta' chukup. Timbul-lah pula cherita², kalau hendak dapat juga boleh, tidak di-Dewan Bahasa, tetapi ada di-beberapa buah kedai yang tertentu yang menjual buku² itu, bahkan kadang² kita dengar khabar ada buku Dewan Bahasa, yang Dewan Bahasa sendiri belum buka buku² itu untuk di-jual, telah di-jual dengan laris-nya di-beberapa buah kedai² tertentu. Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan (Kedah) pun barangkali bersetuju dengan saya, kerana beliau pun pernah berchepak dengan saya berkenaan perkara ini.

Tuan Pengerusi, dengan keadaan yang demikian, saya berharap sangat-lah sesuai dengan ucapan², janji² yang menyedapkan sa-kali yang di-keluarkan oleh pehak² Kerajaan untuk menolong orang² kita di-dalam lapangan perniagaan ini. Satu langkah yang tegas dan segera hendak-lah di-ambil. Lapangan perniagaan buku ini bukan baharu bagi peniaga² Melayu bahkan sa-belum ada-nya beberapa buah Penerbit², Sharikat² Buku yang begitu maju hari ini, peniaga² Melayu semenjak sa-belum perang lagi telah banyak berniaga di-dalam lapangan ini, bukan salah polisi-nya, tetapi dengan sa-chara perlaksanaan-nya yang begitu rupa menyebabkan kehampaan kepada golongan² ini. Kementerian Pelajaran hendak-lah meng-ambil tindakan segera dan sa-bagai-nya.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor):
(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, about \$600 million or more, or 20% of the Supply Estimates, will be spent for the year 1972 on education. This shows that the Government attaches very great importance to education as a medium to teach our children the right things, to equip them for the years ahead and to generate more growth and prosperity for the country. But what are the right things to teach them? Are these to be determined by a few without regard for the wishes and demands of the people, the wishes of parents and educationists? Are policies to be rammed down the throats of pupils and parents without due regard for their sensitivities and aspirations? Are we living in a practising democracy or in a state of totalitarianism? Of course, Government benchers claim they practise democracy and if that be the case, they should take into consideration the wishes of parents and educationists and incorporate

their views and legitimate aspirations into the educational policy or system. May I also remind Government benchers that the United Nations Charter on Human Rights states quite clearly the right of parents to choose the type of education for their children. The demands of parents are not confined to one particular language stream only. Parents of Chinese-medium, Tamil-medium and English-medium schools are all equally dissatisfied. At present the ones who feel most frustrated and unhappy are parents who want to see their children have a good grounding in English, but are alarmed at the tremendous reduction in teaching time in English. It is not that they are against the teaching of Bahasa Malaysia because they know that there is a necessity to learn Bahasa Malaysia as a common language, but they are most unhappy with the present policy in primary schools where English has been relegated to the status of a subject, in which case standards will deteriorate, and standards have deteriorated according to a recent survey, which states that the standard of English is on the decline.

In international circles English is recognised as the language of technology. Now, everyone here knows that the Second Malaysia Plan, its success or failure, the aim of Malaysia to industrialise, depends principally on technology. I can think of no better way to arm our children, to equip our children with the technological "know-how" than to give them a sound knowledge of English, to open the gates for them to libraries stocked with technological information and the very latest ideas, innovations and inventions. No doubt the Honourable Minister of Education also knows and is aware of the views of Chinese educationists and parents' associations regarding their aspirations on the matter of education in their mother tongue. He must have his own political intelligence to inform him of developments in the newspapers. He also must have received many letters and representations on this matter. In case he has not, let me read an extract from a letter written to him by the Federation of Kwang Tung Association. I will only quote a small part of it, it is written by its Secretary to the Honourable Minister of Education. It says:

"The Resolution is as a result of the support for the recommendations put for-

ward by the Aziz Commission on the Teaching Services (West Malaysia):

"That the Government should re-introduce the Government Senior Middle III Examination for the purpose of recruiting Chinese language teachers to meet the urgent need of such teachers in this country."

May I inform the Honourable House that the President of this Kwang Tung Association is none other than Tun Sir H.S. Lee. Can it be said that this resolution comes from a body of chauvinists? Definitely not! It is a sum-total of the aspirations of parents, teachers and educationists who are interested in their mother tongue. Is it possible for the Government to incorporate these aspirations in the present educational policy? I say we can. We are not bereft of people who can modify the policies according to times, according to demands. Times change, we also must change, so must policies. I think we can accommodate the request of people who want their mother tongue to be nurtured and studied. We can organise an integrated education policy which incorporates at all levels a system of education catering to the interests of all. It caters also for the Bahasa Malaysia as the language of unity and as a common language. It caters also for the legitimate aspirations of the people who are keen to nurture and study their mother tongue. It also caters for people, parents and educationists who are interested in science and technology, for the advancement of knowledge and progress of this country. I suggest to the Government that they should keep the National Schools as they are and also the National-type Primary Schools as they are in Bahasa Malaysia and Chinese, Bahasa Malaysia and Tamil. I also propose to the Government that they continue with the National-type Secondary Schools and also restart these National-type Secondary Schools where both Bahasa Malaysia and English are taught, both Bahasa Malaysia and Chinese are taught, or both Bahasa Malaysia and Tamil are taught. The details of the system can be arranged, but what is relevant is that this is the basis for an integrated system which can satisfy the two primary principles as incorporated in the Constitution which are:

- (1) the study of Bahasa Malaysia as the common language and the language of unity; and

(2) to cater for the legitimate aspirations of the communities.

Thank you, Sir.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang-Lupar): (*Dengan izin*) Dato' Pengerusi, I will not take up much time as most of the points on education have been covered by my colleague, the Honourable Member for Saratok. But I wish to mention certain aspects which need further clarification and add some points he might have missed.

I wish to touch on Heads B. 19 and P. 19 from pages 150 to 158, regarding the education estimates for East Malaysia for 1972. I therefore hope that the allocation provided under Head P. 19 Subhead 1 on page 156 will be sufficient enough to provide more boarding accommodation for primary schools in the rural areas in Sarawak. I doubt that Subhead 2 on page 157 will be enough to provide for the expected increase of places in Secondary Form I in Sarawak which will result when Sarawak abolishes her Primary VI Common Entrance Examination, as promised by the Chief Minister of Sarawak, to be implemented by the end of 1972. Neither will the allocation under Subhead 3 for teacher training be enough. When we abolish our Primary VI, I am sure we will need more text books, more classes and more teachers to teach in Form I the following year, unless the proposed abolition is just a Sarawak Coalition Government's political bait to win the hearts and minds of loyal citizens who belong to the Opposition.

I notice also, Mr Chairman, Sir, that no provision is made to provide for Sarawak students to enjoy a free education up to Form III, which their West Malaysian counter-parts have enjoyed for a number of years. I urge the Government to bridge this educational gap between the West Malaysian and Sarawak students, so that the old saying of "East is East and West is West, and the twain shall never meet", should not be true in Malaysia.

In conclusion, Sir, the old saying states that "as the sapling is bent, so the tree will grow". In the Sarawak context, Sir, our saplings are either not properly bent or are bent in the wrong direction.

I therefore hope that the Education Minister will look into our educational needs and problems in Sarawak in consultation

with the State Government and not wait for Sarawak to approach Kuala Lumpur. Thank you.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) I will take only a few minutes, Sir. I would just like to bring up one point regarding education in this country and that is this. Whilst it is our desire to produce as many educated people as possible, there is also the danger of over-education, and I am concerned with the fact that every year we produce close to 150,000 students who come out of schools looking for jobs but totally unequipped as a result of their general academic education to fit into the kind of society that we are now building. So I think that is a problem to which I hope the Ministry would pay some attention because it is a problem which has afflicted India and Ceylon to a considerable degree and I do not think we ought to allow that problem also to overwhelm us. On the other hand, while there is this over-education in the usual academic subjects there is under-education—the failure to provide a sufficient number of people who are technically equipped, vocationally equipped to meet the demands of the industrial and scientific age that we want to enter into. So there is a big shortage of this type of people and I hope the Government would quadruple its effort in this regard.

Now, the last point which I want to bring up is the question of setting up a school to train town and regional planners in this country. Now, I am glad to see that a School of Architecture is now going to be set up in the University, but I think even more important than the training of the architects is the need to train people who can plan for our towns and our country-side on a regional and national basis because this is absolutely important. In practically every developing country of the world and even in the developed countries of the world, a terrific emphasis is placed on the training of town and regional planners because these are the people who could study into the problems not only inside the towns but the whole country-side, encompassing the whole region; for instance, the whole of the Klang Valley in Selangor, or the whole of the Penang/Butterworth area or the whole of the Kinta Valley. A further extension of that is a national plan. People who are trained to do this type of planning can encompass

all the fields of engineering, geography and the whole of every facet of economic life in this country but we do not have such a School and we have a terrific shortage of town and regional planners.

Kuala Lumpur alone, in terms of town planners, in any other country would need at least 20 to 30 town planners to look after the size of the City of Kuala Lumpur and yet we have only one or two. With so many land projects being opened up throughout the country, e.g. FLDA schemes, we have got just one or two town planners looking after practically all the FLDA schemes in this country. So I think there is a terrific shortage and I hope that when the Minister replies he would let us know whether he would soon prepare some plans to remedy this defect.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Dato' Pengerusi, kita sedang membahaskan Kepala Bekalan 18—Kementerian Pelajaran. Dan saya rasa belanja ini tentu-lah di-buat dengan penyesuaian Rancangan Malaysia Yang Kedua. Dan satu daripada tujuan Rancangan Malaysia Yang Kedua itu ia-lah pembentokan golongan bumiputra mengambil bahagian yang lebih chergas di-dalam aktiviti² perdagangan dan perindustrian. Tetapi suka-lah saya bertanya kepada Kementerian, sudah-kah Kementerian ini mengubahkan ia-itu polisi yang lapok dasar yang lebih mementingkan penuntut²nya terbentok menjadi golongan white collars atau makan gaji dengan dasar menggalakan bumiputra supaya mencheborkan diri mereka ka-dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Walau pun Pechahan-kepala 4100 perkara (3)—Pelajaran Rendah dan Menengah berpuluh juta ringgit akan kita belanjakan, tetapi jika polisi yang ada ini juga-lah berjalan kurang yakin-lah kami dapat terbentok manusia² bumiputra-nya jadi business minded. Maka saya merayu kepada Kementerian membuat satu dasar yang benar² berkemampuan menanam semangat berdikari semenjak daripada sekolah² rendah kebangsaan khas-nya dan demikian-lah terus-menerus.

Dan juga di-harap di-menefa'atkan sa-baik²-nya penyiaran radio di-sekolah² guna menanam semangat bekerja sendiri itu dan sa-umpama-nya. Kerana apa, Dato' Pengerusi, apa yang sa-lama ini kita dengar dalam

siaran² radio ka-sekolah² itu ia-lah per-tunjuk² di-mana hendak minta borang kerja, apa-kah kebolehan yang di-kehendaki di-dalam membuat permohonan itu, jadi sa-olah²-nya siaran itu memasokkan semangat kepada murid² itu bahawa belajar itu ia-lah untuk bekerja dan bekerja tidak lain daripada itu.

Perkara 6—Kebajikan Penuntut² di-Luar Negeri. Sunggoh pun di-Indonesia sa-bagai-mana kata Yang Berhormat Menteri tadi ada Jabatan Penuntut², tetapi asrama untuk penuntut² itu belum ada lagi. Ya, menurut buku ini sa-buah asrama akan di-bena dalam jangka masa Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, tetapi saya harap benar² di-segerakan, sebab sudah lama murid² di-sana meminta-nya dan bukan sahaja di-Djakarta, tetapi di-Medan pun patut ada.

Kod 4100 perkara 5 (a) dan (c) Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Tidak-lah ada faedah-nya kita timbul²kan di-sini Universiti Islam, sebab langsung tidak ada di-dalam anggaran Kerajaan hendak mem-bena Universiti Islam itu pada masa ini.

Sudah tentu-lah, Tuan Pengerusi, dalam Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya ada di-dalam-nya fakultas atau fakulti dan Jabatan Pengajian Islam. Apa yang hendak saya suarakan, Tuan Pengerusi, bahawa yang agak aneh ia-lah jika saya tidak silap metode²-nya atau method-nya, curriculum-nya chara² kuliah yang di-berikan di-dalam kedua² bahagian ini ada-lah berdasarkan kepada chara² dan achara kuliah universiti negara² yang bukan Islam. Sadikit sa-kali berpanduan kepada rujukan buku² karangan orang Islam. Yang terbanyak di-rojokkan kepada buku² orientalis pada hal sadikit pula-lah orang² orientalis yang jujur terhadap Islam. Banyak daripada mereka mempelajari dan menulis perkara² Islam bukan niat ilmu kerana ilmu, atau mencahari kebenaran kerana kebenaran, bahkan untuk sa-chara lihai dan sa-chara lichin juga mem-burokkan Islam itu. Maka kira-nya demikian-lah hal-nya, di-khuatiri, Tuan Pengerusi, natijah² yang tidak demikian sehat di-dalam perkembangan Islam di-negara kita ini, maka saya dengan ikhlas menarek perhatian Menteri yang jujur itu supaya dari sa-masa ka-samasa di-semak, di-kaji, di-selideki serta adakan pertukaran fikiran² dengan universiti² negara Islam umpama Mesir, Pakistan, Indonesia dan sa-bagai-nya dalam method² serta chara² kuliah dan curriculum pengajian

yang sa-baik²-nya di-Jabatan Pengajian Islam di-kedua² Universiti kita ia-itu Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya.

Kod 4100 juga perkara 10A—saya telah sebutkan dahulu betapa ghairah-nya Kerajaan hendak mengindoktrinasikan atau menanam semangat teknologi dalam jiwa angkatan muda kita, maka patut sa-kali-lah di-beri penghargaan terhadap chita² murni Kerajaan ini tetapi di-samping itu sunggoh² di-harapkan jangan-lah hendak-nya boleh kurang penelitian dan chuma terikut² saperti si-buta. Kita sendiri membantu terbentok-nya satu angkatan yang sa-mata² perchayakan Aprion lalu bertambah² luntor-lah keimanan mereka terhadap kudrat dan kuasa Tuhan yang kini pun sudah mula menampakkan gejala burok itu. Hubaya²-lah, tolong-lah selaraskan chara mengajar sains itu dengan jiwa taufek beriman kepada Tuhan, Tuhan ugama mana pun, Tuan Pengerusi.

Kod 1110 perkara 3—Pelajaran Rendah dan Menengah: Sudah menjadi rahsia umum bahawa guru² untuk ilmu sains dan hisab sangat berkurangan di-sekolah² rendah dan kebangsaan kita. Dan satu daripada usaha Kerajaan ia-lah membawa guru² daripada Indonesia sa-chara kontrek. Apa yang hendak saya bangkitkan ia-lah banyak daripada guru² ini sudah hampir habis kontrek mereka dan saya perchaya untuk memenohi kekosongan ini Kerajaan terpaksa pula mendapatkan guru² baharu dari sana buat sementara ini. Alang-kah baik-nya jika Kementerian kita ini berusaha mendapatkan persetujuan Kerajaan Indonesia supaya di-lanjutkan lagi perkhidmatan mereka sebab pengalaman yang sedia ada pada mereka itu amat berharga di-dalam penyesuaian keadaan yang ada di-sini. Dan jika guru² baharu pula di-ambil penggantian mereka itu, ini akan memakan masa untuk penyesuaian itu. Maka harap benar-lah Kerajaan mempertimbang-kan perkara ini.

Berbalek kepada Kod 4100 perkara 10F, Dewan Bahasa dan Pustaka, saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Banyak-lah perkara yang boleh di-katakan dalam hal ini, sebab saya sendiri mempunyai penga-laman sa-bagai printer dan publisher. Tetapi yang di-harapkan ia-lah Kementerian ini sa-wajar-nya mengambil perhatian berat dan mengkaji sa-mula structure yang ada di-dalam Dewan Bahasa itu supaya kita harap

dengan pengkajian itu maka dapat-lah baik dan lancar usaha memenohi tujuan Dewan itu di-tubuhkan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Sa-belum saya menjemput Ahli² Yang Berhormat berchakap, Yang Berhormat Menteri terpaksa keluar negeri pada hari Ahad, tetapi oleh sebab perbahathan atas Kepala ini mustahak, kita akan sambong lagi pada hari Isnin. Sementara itu, saya hendak mengizinkan Yang Berhormat Menteri, sa-belum beliau keluar negeri, menjawab dahulu atas beberapa perkara yang telah di-bangkitkan, kemudian kita sambong perbahathan pada hari Isnin pula.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sebanyak terima kasih kerana di-beri peluang memberi sedikit jawapan kepada satu dua perkara yang saya anggap mustahak bagi saya sendiri menjawab-nya. Sa-bagaimana yang di-terangkan perbahathan ini akan di-sambong dan jawapan² akan di-beri oleh Setiausaha Parlimen saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh jawab sa-hingga pukul 6.30 petang. Ada 15 minit lagi.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Boleh?

Tuan Pengerusi: Boleh, sampai 6.30 petang. Masa panjang lagi.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Yang pertama, Tuan Pengerusi, ia-lah masalaah Law Faculty yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Saya suka meng-umumkan di-sini ia-itu Kerajaan telah bersetuju menubuhkan Law Faculty di-Universiti Malaya pada tahun ini.

Satu lagi masalaah, Tuan Pengerusi, yang saya suka dan saya fikir Ahli² Yang Berhormat patut mengambil perhatian berat ia-lah masalaah drop-out. Masalaah drop-out ini bukan-lah tanggong-jawab Kementerian Pelajaran sahaja, bukan-lah tanggong-jawab Kerajaan sahaja bahkan juga tanggong-jawab Ahli² daripada parti² Pembangkang dan tanggong-jawab masharakat kita. Di-sini, saya hendak memberi angka² yang harus mengejutkan Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini terhadap bilangan kechichiran atau drop-out ini. Bagaimana yang telah di-terangkan oleh Kementerian saya tidak berapa lama dahulu ia-itu

masaalah drop-out ini ada dalam pandangan berat Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pelajaran telah mengadakan kajian yang mendalam yang di-ketuai oleh sa-orang yang di-pinjamkan kepada kita ia-itu Professor Wilson daripada Stamford University yang di-tugaskan khas kerana menyelidik dan mengkaji dengan mendalam masaalah drop-out ini. Di-sini saya suka memberi angka tetapi bukan bertujuan hendak menakut²kan Ahli² Yang Berhormat sa-kalian. Tujuan saya ini supaya bukan sahaja Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini sedar akan berat-nya, burok-nya masaalah ini bahkan juga ra'ayat² kita terutama sa-kali ibu² bapa kita di-bandar² dan terutama-nya di-luar² bandar akan berat-nya masaalah yang di-hadapi bukan oleh Kementerian Pelajaran sahaja, bukan oleh Kerajaan sahaja bahkan masyarakat kita. Angka yang di-dapati oleh Kementerian Pelajaran, angka kasar sa-hingga ini ada-lah demikian.

Daripada antara tahun 1970 dan 1971, bilangan murid² kita yang terchichir dari Darjah I ka-Darjah II—2,163.

Daripada Darjah II ka-Darjah III meningkat kepada 6,197.

Daripada Darjah III ka-Darjah IV, meningkat pula kepada 6,404.

Daripada Darjah IV ka-Darjah V, meningkat pula kepada 7,414.

Daripada Darjah V ka-Darjah VI, meningkat pula kepada 10,443.

Tetapi dari Darjah VI ka-Tingkatan I, ini akibat yang besar, masaalah yang besar yang di-hadapi oleh kita sekarang ini. Daripada Darjah VI ka-Tingkatan I, masa di-antara tahun 1970 dan 1971, angka-nya ia-lah 69,647.

Kechichiran ini constant, tiap² tahun berlaku saperti ini. Kalau-lah keadaan ini bersambongan pada masa lima tahun, harus kita dapati 300,000 murid² kita yang kechichiran.

Ini angka yang saya berikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sa-masa saya memberikan ta'limat-nya dua hari dahulu. Ini masaalah besar, dan bagaimana yang saya terangkan, Kementerian Pelajaran menyelidik perkara ini sa-dalam²-nya dan saya berharap laporan kajian ini akan dapat siap pada bulan Jun tahun ini, tetapi langkah mesti-lah di-ambil pada masa ini juga, bukan sahaja oleh Kementerian saya, bukan sahaja

oleh Kerajaan bahkan juga oleh Ahli² Dewan ini, termasuk juga Ahli² Parti Pembangkang, mengambil langkah, mengingatkan ibu² bapa atas masaalah yang di-hadapi oleh negara kita. Sebab²-nya, daripada pendapat kasar oleh Jawatan-kuasa Kementerian saya, ini bukan-lah sebab kemiskinan sahaja. Ya, kita mengaku bahawa kemiskinan ia-lah satu daripada sebab-nya, tetapi itu bukan sebab yang tunggal. Banyak lagi sebab² yang lain. Umpama-nya sebab² sosial, keadaan kita, environment ibu² bapa kita di-kampung² dan juga anak² kita di-sana, sikap dan anggapan orang² kita, khas-nya di-luar² bandar terhadap pelajaran anak² mereka.

Kerajaan akan bertindak dengan serta merta untuk menyelamatkan anak² kita daripada kechichiran. Bilangan murid² kechichiran pada tahun hadapan, kita berharap tidak lebeh, kalau boleh biar kurang daripada 69,000 yang kita hadapi sekarang. Kerajaan akan mengambil tindakan yang sawajar-nya dan saya sendiri menyeru kepada Ahli² Dewan ini supaya memberi sa-penoh² sokongan dan bantuan kerana masaalah ini ada-lah masaalah masyarakat kita.

Pertama sa-kali kita hendak-lah mengingatkan ibu² bapa kita, khas-nya di-luar bandar, masaalah kechichiran ini dan mengingatkan mereka supaya bersungguh² bekerja dan menggalakkan anak² mereka masok ka-sekolah², daripada Darjah VI ka-Tingkatan I. Tindakan ini akan di-ambil dengan serta-merta oleh Kerajaan supaya kita dapat menyelamatkan murid² daripada kechichiran. Pada tahun hadapan, kita tidak hendak lagi bilangan 69,000 itu. Kita tidak boleh menahan dengan sa-penoh²-nya, tetapi kita berharap kita dapat mengurangkan angka ini pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya berchakap ini dengan amat dukachita atas masaalah yang di-hadapi oleh negara dan masyarakat kita. Masaalah ini mesti di-atasi. Kita tidak boleh mendiamkan diri dan membenarkan bilangan angka ini bertambah dari sa-tahun ka-satahun. Jika demikian harus pada masa yang akan datang kebanyakan anak² kita, terutama sa-kali yang di-luar bandar chuma ada mempunyai pelajaran rendah sahaja, tidak ada pelajaran tinggi, atau pelajaran menengah. Ini akan melibatkan satu masaalah sosial yang besar pada masa yang akan datang. Begitu-lah burok-nya akibat masaalah yang kita hadapi ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat ia-lah berkenaan dengan kekurangan guru² yang berijazah. Ini bagaimana Ahli² Yang Berhormat semua mengetahui ia-lah satu masalah yang di-hadapi oleh Kementerian Pelajaran dengan tidak berhenti², tetapi kita perchaya dengan bertambah-nya universiti kita di-negeri ini, kita berharap pada masa yang akan datang bilangan penuntut², khas-nya penuntut² daripada bidang sains dan teknologi, dan daripada bidang mathematics akan bertambah, sungguh pun ini akan mengambil masa. Pada pendapat saya masalah yang akan di-hadapi oleh Kementerian Pelajaran berkenaan dengan kekurangan guru² yang berijazah ia-lah antara tiga dengan lima tahun. Oleh kerana Universiti Kebangsaan, Universiti Pulau Pinang dan Universiti Pertanian maseh sedang mengatorkan tempat-nya dan pengajaran-nya, sa-kurang²-nya sa-lepas tiga tahun baharu-lah kita dapat menengok keluaran penuntut² kita yang berijazah daripada universiti² yang baharu ini. Sementara itu Kementerian Pelajaran, meng-hadapi kekurangan sangat guru² berijazah. Guru² yang keluar daripada universiti kita, ia-itu Universiti Malaya dan juga tidak berapa lama lagi daripada Universiti Pulau Pinang dan Universiti Kebangsaan, walau pun sedikit bilangan-nya, kita hendak menentukan supaya mereka yang ada kelayakan ini berkhidmat, membantu Kementerian Pelajaran.

Kita sudah chuba dahulu memujok dan berikhtiar supaya orang² ini ada semangat kaseh sayang-nya, semangat hendak membantu Kementerian Pelajaran khas-nya dan Kerajaan am-nya dengan menyumbangkan masa mereka sa-tahun demi sa-tahun, dan berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran sa-bagai guru. Malang-nya bilangan saperti itu sangat kurang di-negara kita ini, terutama mereka², yang di-kehendaki sangat oleh pehak swasta.

Oleh yang demikian, sa-lain daripada ikhtiar mengadakan undang², Kerajaan akan berikhtiar dan Kementerian saya akan berikhtiar untuk mengarahkan universiti² supaya mengenakan syarat ia-itu penuntut² yang memohon masuk khas-nya di-Fakulti² Sains, Engineering dan sa-bagai-nya, sa-lepas mereka lulus pelajaran-nya mereka akan berkhidmat dalam masa yang tertentu dengan Kementerian Pelajaran.

Sharat itu akan di-kenakan kapada penuntut² yang hendak masuk mengaji di-dalam Fakulti² Sains, Engineering dan sa-bagai-nya. Kita tidak suka membuat syarat ini bagaimana kita tidak suka meluluskan undang² memaksa orang bekerja dengan Kerajaan, tetapi oleh kerana masa'alah yang di-hadapi oleh kita, dan negara kita ini amat berat maka terpaksa-lah kita membuat dan mengambil langkah bagaimana yang saya katakan tadi.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu masalah besar yang saya hendak kemukakan dan untuk menjawab pertanyaan² Ahli² Yang Berhormat.

PENANGGOHAN

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya menandatangani supaya Dewan ini di-tanggohkan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

KEKOTORAN DI-KUALA LUMPUR

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, first of all let me congratulate the Minister for having effected some improvement in the general environment of the Federal Capital. Having said that, I would like to draw the attention of the Minister-in-charge regarding some problems pertaining to pollution, especially in my constituency, so that he will be able to apply the same attention and solve these problems. I wish to draw the attention of the Government to the severe pollution at the 2½ mile-stone Jalan Cheras in my constituency of Bungsar where daily from 7.00 a.m. to 4.00 p.m. and sometimes even late into the night up to 10.00 p.m. the Municipal Workshop manufactures premix material by crushing limestones and this Workshop is situated next to a lot of Municipal low-cost flats. The dust-collecting machine in this Workshop has not been working since 1969 and so cement dusts and lime dusts are allowed to scatter all over the surrounding residential areas up to almost 2 miles in radius. This, Sir, poses a danger to the health of my electorate. It is a daily nuisance and I myself have been almost blinded and choked by the evil-looking dusts that come out daily from this Workshop. The cloud of dust is truly frightening and has got to be seen to be believed.

Not only the roofs of the houses but even furniture such as tables, beds, cupboards, etc. are coated with this dust. The people there could not even enjoy a proper meal as the dust would have got into the foods, the soup and the drinks. The leaves of the surrounding trees have been turned to white and yellow.

I therefore urge immediate remedial action, otherwise the health of the people here and in Jalan Chan Sow Lin, Jalan Sungei Besi and Kampong Cheras will be in danger and they could easily contract T.B. or lung cancer as a result of Government's negligence.

The same kind of pollution is to be found in Rawang. There you have the Cement Factory creating pollution havoc on the whole of Rawang inflicting untold damage to people, properties and even the adjacent forests.

Sulphur dioxide gases coming out of the chimneys of the Malayan Acid Works in the Petaling Jaya/Sungai Way area also constitute a menace to the people living there. I appeal for immediate action for these people.

When does Government intend to control pollution coming out of cars, lorries, buses and motor cycles in Kuala Lumpur, Ipoh and Penang?

Will Government initiate a Bill to prevent smokers from polluting the air inside the cinemas so that everybody can enjoy the film instead of being tortured by a smoke screen of cancer-causing cigarette smoke? Singapore has done this successfully. When will similar legislation be passed to ban smoking in cinemas and public meeting halls?

Finally, Sir, when can we expect a stop to the pollution I have listed above? Thank you.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris untuk menjawab ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar.

Mr Speaker, Sir, the cleanliness of a city depends a good deal on the civic consciousness of the people living in it. Over the past year a campaign has been conducted by the Government through the mass media, the press, the radio and television to

inculcate the idea of keeping the city clean. The enforcement squad in Kuala Lumpur has also been quite active in educating the public. This, I think, is beginning to have its effect.

The state of cleanliness in Kuala Lumpur continues to improve, except in certain localities where the maintenance has been neglected by the general public. Action is being taken against them and there is already vast improvement and it is hoped that this will continue to improve further and will be maintained not only before but also after the conferment of the City status and the PATA Conference.

With regard to the pollution to which the Honourable Member has drawn my attention, that is concerning pollution caused by the premix plant at Jalan Cheras and the Rawang Cement Factory, the advice I have been given by the officials concerned is that although it is a nuisance, there is no danger at the present moment to health. Although in actual fact this may be so, but it is nevertheless a nuisance and a form of pollution of the air and I agree it should be abated. I will certainly look into this matter further.

With respect to pollution originating from vehicles' smoke, the police authority has taken action against the vehicles which produce excessive smoke. The Ministry of Health is aware of this problem and a Committee has been set up to study it, and with the advice of local and foreign experts it is hoped that action will be taken on a scientific approach soon on this matter. Therefore, the problem of air pollution resulting from the vehicle smoke cannot, I must confess, be eliminated entirely until such time as when we are able to produce non-smoky engines.

On the question of the banning of cigarette smoking in cinemas, this matter has been looked into and if appropriate legislation could be taken, this will be put in hand. Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 24hb Januari, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.45 petang.